

**Jilid I  
Bil. 68**



**Hari Jumaat  
14hb Oktober, 1983**

**MALAYSIA**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN RAKYAT  
HOUSE OF REPRESENTATIVES**

**PARLIMEN KEENAM  
*Sixth Parliament***

**PENGGAL PERTAMA  
*First Session***

## **KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN.  
[Ruangan 6821]**

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
[Ruangan 6854]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan) [Ruangan 6854]**

**Rang Undang-undang Pejabat Pos (Pindaan) [Ruangan 6911]**



MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KEENAM**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).
- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya, DATO S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y. M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Kewangan, Y. M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

- Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri merangkap Duta Besar Malaysia ke Indonesia, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DR TAN TIONG HONG (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN SABBARUDDIN CHIK (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, A.M.P. (Telok Anson).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan  
Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan  
Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI,  
A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN AWANG BIN  
JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan  
Sukan, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH  
SAN (Petaling).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K.  
(Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P.  
(Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A.,  
S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS  
(Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P.  
(Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).

- Yang Berhormat TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lumar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO' JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).

- Yang Berhormat TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).

- Yang Berhormat **TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).**
- „ **TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).**
- „ **DR TAN SENG GIAW (Kepong).**
- „ **TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).**
- „ **TUAN TING LING KIEW (Bintulu).**
- „ **WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).**
- „ **WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).**
- „ **WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).**
- „ **WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).**
- „ **TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).**
- „ **TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).**
- „ **DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Tanjong Karang).**

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

 Jumaat, 14hb Oktober, 1983
 

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang*

## DOA

(Tuan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**BELIA YANG TERTUBUH—  
KEGIATAN-KEGIATAN**

1. **Dr Koh Tsu Koon** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan apakah jumlah bilangan belia yang terlibat dalam kegiatan-kegiatan belia yang tertubuh atau "organized youth activities" seperti kelab-kelab dan persatuan-persatuan belia yang berdaftar pada Januari 1983 dan apakah pecahan mengikut kaum. Apakah sebab-sebabnya belia bukan Melayu tidak melibatkan diri secara aktifnya dalam rancangan-rancangan belia terutamanya yang dianjurkan oleh Kerajaan. Apakah langkah-langkah konkrit yang sedang diambil dan dirancang untuk menggalakkan penyertaan belia bukan Melayu dalam rancangan-rancangan ini dan dengan itu integrasi serta perpaduan yang lebih erat di kalangan belia Malaysia yang berbilang keturunan.

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datin Paduka Chow Poh Kheng):** Tuan Yang Dipertua, sehingga Januari 1983 seramai 1.3 juta belia berbagai kaum terlibat dalam kegiatan pertubuhan belia.

Perangkaan mengikut pecahan keahlian adalah seperti di bawah. Pecahan mengikut kaum:

Melayu .. .. .	115,530
Kaum Cina—(JBB) ..	116,200
—(YMM) ..	50,261

Berikut adalah extract perangkaan ahli-ahli belia Cina daripada pertubuhan-pertubuhan yang berikut:

YMCA .. .. .	2,800
YWCA .. .. .	1,040
YCW .. .. .	2,200
Bulan Sabit Merah ..	25,000
St. John .. .. .	13,000
Buddist Youth .. ..	36,000
Belia Methodist .. ..	5,000
Pengakap .. .. .	25,000
Pandu Puteri .. .. .	18,000
Brigade Putera .. ..	1,500
Brigade Puteri .. ..	500
<b>JUMLAH .. .. .</b>	<b>310,001</b>

Kaum India .. .. .	110,000
Lain-lain bangsa .. ..	30,000
Jumlah belia .. .. .	1,365,531

Tuan Yang Dipertua, sebab mengapa belia-belia bukan Melayu tidak terlibat dengan aktifnya dalam rancangan Kerajaan tidak timbul sama sekali kerana dalam apa pun rancangan Kerajaan yang sesuai untuk menyusun semula masyarakat mereka terlibat dan menyertainya. Bahkan mereka terpilih untuk mengikuti

rancangan pertukaran belia, program-program latihan luar negeri dan lain-lain di bawah bahagian pergerakan perpaduan dan latihan.

Lebih daripada setengah juta belia dari kaum Cina telah melibatkan diri dalam pertubuhan-pertubuhan kebudayaan sukan dan lain-lain. Cuma hebahan dalam perkara ini tidak dibuat oleh pertubuhan-pertubuhan yang telah mendapat manfaat. Ketidakpuasan hati yang disuarakan dan dinyatakan datang bukan sahaja dari pertubuhan-pertubuhan bukan Melayu tetapi juga diterima dari pertubuhan yang ahlinya terdiri daripada belia Melayu juga yang sentiasa menganggap mereka tidak mendapat yang sepatutnya. Kementerian menggalakkan semua belia tanpa mengira kaum melibatkan diri dalam program-program belia. Adalah menjadi satu dasar Kementerian ini tidak mengelompokkan belia mengikut kaum. Langkah-langkah yang sedang berjalan seperti memperbanyakkan bilangan persatuan-persatuan belia dan menarik lebih ramai ahli menganggotainya di dalam bandar dan kesempatan sentiasa giat.

Di samping itu hebahan dan penerangan mengenai program Kementerian ini sentiasa dibuat melalui media-massa berkaitan dengan kursus-kursus dan sebagainya, penyertaan dan penglibatan pemimpin-pemimpin belia bukan Melayu di dalam segala kegiatan belia peringkat nasional, negeri dan daerah yang dianjurkan oleh agensi-agensi Kerajaan untuk rancangan pembangunan masyarakat amat menggalakkan.

Usaha juga adalah dijalankan dari masa ke semasa untuk menambah lagi kemudahan-kemudahan mengikut kemampuan untuk membuka peluang yang lebih kepada belia menyertai program Kementerian ini.

**Dr Koh Tsu Koon:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Seperti yang kita sedia maklum, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan selalunya menganjurkan lawatan-lawatan sambil belajar ke negara-negara asing bagi pemuda-pemudi kita. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah negara-negara yang terlibat, berapakah pemuda-pemudi yang telah dihantar bagi tahun ini mengikut pecahan kaum dan apakah perbelanjaan tahunan KKBS bagi projek lawatan sambil belajar ini dan juga apakah bilangan pemuda-pemudi yang telah dipilih untuk mengambil bahagian dalam projek Asia Ship pada tahun ini mengikut pecahan kaum.

**Datin Paduka Chow Poh Kheng:** Tuan Yang Dipertua, negara-negara yang terlibat dalam Skim Pertukaran Belia adalah Jepun dan Kapal Asia Tenggara (Southeast Asia Youthship Programme)—Indonesia, Filipina, United Kingdom, Singapura dan Korea Selatan.

Mengenai berapa peserta yang menghadiri Program ini, saya minta notis daripada Ahli Yang Berhormat.

Mengenai tiap-tiap tahun berapa orang terlibat dalam Program Kapal Asia, tiap-tiap tahun ada seramai 35 orang belia Malaysia terlibat dalam Program Kapal Asia Tenggara dan perangkaan mengikut kaum pada tahun ini adalah seperti berikut:

Orang Melayu .. .. .	22 orang
Cina .. .. .	9 orang
India .. .. .	4 orang

Dan butir-butir yang Ahli Yang Berhormat minta, bolehlah saya memberi jawapan bertulis kalau Ahli Yang Berhormat berminat.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang Dipertua, bagi tujuan untuk mencapai integrasi perpaduan di kalangan belia Malaysia yang berbilang kaum, bolehkah Yang Berhormat Timbalan

Menteri yang berkenaan memberitahu Dewan ini tentang apakah langkah-langkah yang telah diambil setakat ini untuk menyusun semula persatuan-persatuan belia ataupun kelab-kelab belia yang berbau perkauman ataupun untuk menubuhkan persatuan-persatuan belia ataupun kelab-kelab belia yang berdasarkan kepada prinsip berbilang kaum.

**Datin Paduka Chow Poh Kheng:** Tuan Yang Dipertua, KKBS ada mempunyai banyak rancangan yang diberi kepada belia-belia supaya boleh mencapai perpaduan di kalangan semua belia tidak mengira kaum. Oleh itu rancangan-rancangan seperti perpaduan belia dan ada beberapa banyak rancangan untuk belia di luar bandar dan bandar pun ada.

Jumlahnya ada 4 rancangan yang dianjurkan oleh KKBS dan rancangan itu pun ada dijalankan di Pusat Latihan di Pertak dan Dusun Tua.

**Tuan Ismail bin Said:** Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Dalam keadaan ekonomi negara kita yang meleset pada saat ini, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada pihak Kementerian beliau memotong ataupun mengurangkan sebarang kegiatan ataupun program belia. Jika ada, bolehkah beliau memberitahu kepada Dewan ini apakah program ataupun kegiatan yang dipotong itu.

**Datin Paduka Chow Poh Kheng:** Tuan Yang Dipertua, memandangkan kemelesetan ekonomi negara KKBS memastikan memotong peruntukan untuk kegiatan belia-belia tetapi apa rancangan itu, saya boleh memberitahu Ahli Yang Berhormat itu dengan jawapan bertulis.

**Tuan Yang Dipertua:** Soalan penghabisan, Yang Berhormat dari Batu Pahat.

**Tuan Daud bin Dato' Haji Taha:** Tuan Yang Dipertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju kemungkinan besar belia-belia tidak suka melibatkan diri dalam persatuan-persatuan belia disebabkan oleh kerana kebanyakan pemimpin-pemimpin persatuan belia terdiri daripada mereka yang telah berumur lebih daripada 40 tahun kerana dalam jangkaan saya di negara kita yang umur matinya pendek, jadi kalau 40 tahun sudah dikira orang tua melainkan di negeri Jepun yang mana umur tuanya lebih 70 tahun.

Jadi, pada pendapat saya, adakah Timbalan Menteri bersetuju, sekiranya tidak bersetuju, mengapa (*Ketawa*).

**Tuan Yang Dipertua:** Saya rasa pertanyaan itu meminta kepada fikiran, lazimnya dalam soal jawab ini tidak boleh siapa-siapa meminta fikiran (*Ketawa*).

## CUKAI PELABURAN SAHAM

2. **Tuan Ng Cheng Kuai** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang mengenakan Cukai Pelaburan Saham (*Capital Gains Tax*) untuk menambahkan pendapatan Kerajaan.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr Ling Liong Sik):** Tuan Yang Dipertua, berhubung dengan soalan itu, saya suka menyatakan iaitu Kerajaan tiada apa-apa rancangan untuk mengenakan cukai pelaburan saham (*Capital Gains Tax*) yang disebutkan itu.

## KONSEP PENSWASTAAN KERAJAAN

3. **Tuan Lee Lam Thye** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh mana sektor swasta telah menyahut konsep penswastan Kerajaan, apakah hasil-hasil positif yang telah dicapai setakat

ini dan berapa banyak projek Kerajaan setakat ini yang telah diserahkan kepada sektor swasta untuk diuruskan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi):** Tuan Yang Dipertua, pelaksanaan dasar penswastaan ini sedang dikaji dengan teliti oleh pihak Kerajaan bagi tujuan menentukan bahawasanya penyerahan sebarang khidmat awam kepada pihak swasta benar-benar akan dapat mencapai matlamatnya serta selaras dengan Dasar Ekonomi Baru. Sambutan pihak swasta pada peringkat ini adalah sangat menggalakkan.

**Tuan Chan Kok Kit:** Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu sama ada bahawa dalam melaksanakan konsep penswastaan syarikat-syarikat yang benar-benar berpengalaman dan mahir akan dipilih dan bukan oleh syarikat-syarikat yang ditaja oleh parti-parti politik pemerintah.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang Dipertua, dalam mengkaji penswastaan khidmat Kerajaan memanglah faktor kemampuan, kebolehan, keupayaan pihak swasta yang akan mengendalikan khidmat itu adalah jadi faktor penting yang dipertimbangkan.

**Tuan Yew Foo Weng:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan dari segi penswastaan kemudahan atau khidmat awam kepada pihak swasta, bagaimanakah cara yang digunakan oleh pihak Kerajaan untuk menentukan siapa yang mendapat peluang untuk mengambil bahagian dalam konsep ini dan apakah garis panduan yang digunakan untuk menentukan harga untuk membayar khidmat itu kepada syarikat swasta walaupun Pejabat Kerajaan untuk

tawaran kecil sebanyak \$100,000 mereka adalah menggunakan suatu prosedur tawaran yang begitu tegas tetapi satu perasaan yang timbul iaitu dalam penswastaan ini tidak ada garis panduan dan cara yang digunakan untuk mengedar projek-projek tersebut kepada pihak swasta tidak terbuka.

Bolehkah pihak Kementerian menjelaskan apakah garis panduannya untuk menentukan siapa yang mendapat peluang dan garis panduan untuk menentukan harga untuk segala projek.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang Dipertua, tentang pelaksanaan dasar swastaan ini Kerajaan telah menubuhkan satu Task Force yang bersekretariat di Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dipengerusikan oleh Ketua Pengarah di Unit Perancang Ekonomi dan di antara tugas Task Force ini ialah mengkaji segala masalah-masalah dan isu yang ada hubungan dengan usaha mengswastakan khidmat-khidmat Kerajaan itu. Jadi tentang ini ia akan mengambil masa yang agak lama sedikit kerana banyak perkara-perkara yang berkaitan dengan pelaksanaan dasar penswastaan ini umpamanya hal-hal yang berhubung dengan undang-undang dan kedudukan status orang-orang yang sedang bekerja dengan khidmat-khidmat Kerajaan yang tertentu, perkara-perkara yang berhubung dengan sejauh mana dan setakat manakah suatu khidmat itu hendak diswastakan sama ada sedikit setengahnya dahulu ataupun keseluruhannya sekaligus ataupun sama ada pengswastaan hendak dijalankan secara beransur-ansur (progressive) dan mengikut pilihan-pilihan yang tertentu selektif. Jadi perkara-perkara atau garis panduan yang terperinci bagi melaksanakan dasar ini sekarang masih dalam pengkajian dan belum lagi ditentukan

dan secara muktamad kerana Jawatankuasa ini belum selesai lagi membuat kajian.

**Tuan Lim Kit Siang:** Oleh kerana sudah dekat satu tahun konsep dan dasar penswastaan ada dikemukakan, sampai saat ini adakah pihak Kerajaan sampai ke satu keadaan di mana sudah boleh mengidentifikasi kegiatan-kegiatan atau program-program yang akan menjadi perkara-perkara yang akan diswastakan lebih dahulu daripada lain-lain aktiviti-aktiviti? Kedua, bila penswastaan pertama boleh akan diadakan, proses penswastaan yang pertama?

Yang ketiga, tadi Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa satu Task Force diadakan untuk mengkaji semua aspek proses pengswastaan, adakah task force ini menjemput pakar-pakar ekonomi dan undang-undang pihak swasta dan pihak-pihak CUEPACS untuk menjamin bahawa kepentingan pekerja-pekerja pun dijaga dalam proses untuk mengkaji sama ada dasar penswastaan ini sesuai atau proses untuk menswastakan tidak mengikut sikap menerima pandangan-pandangan pihak swasta?

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang Dipertua, setakat ini Kerajaan belum membuat satu keputusan yang muktamad tentang khidmat-khidmat mana yang akan diswastakan terlebih awal, yang dahulu daripada yang lain mengikut jadual, jadi belum ditentukan. Walau bagaimanapun, seperti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri biasa sebut, ada sebut tentang perkhidmatan telekom, perkhidmatan pelabuhan dan ada juga yang sebut tentang perkhidmatan keretapi. Walaupun begitu, pengkajian itu belum dapat memberi satu perakuan yang muktamad kerana sebagaimana saya sebutkan awal tadi bahawa selok-belok ataupun masalah-masalah yang

ada hubungan dengan mengswastakan satu-satu perkhidmatan Kerajaan itu adalah masalah-masalah yang rumit yang memerlukan penyelesaian dan dengan itu pada waktu ini saya tidak dapatlah memberi satu tarikh yang tepat bilakan khidmat yang pertama yang akan diswastakan. Berhubung dengan penyertaan pihak swasta pula, Jawatankuasa Task Force adalah Jawatankuasa yang terdiri daripada Jabatan Kerajaan-kerajaan yang mewakili berbagai-bagai bidang kerja dan bidang khidmat, dengan izin, it is inter-ministerial dan inter-disciplinary dalam approachnya. Walaupun begitu pandangan-pandangan daripada pihak swasta adalah dijemput tetapi melalui forum-forum yang lain yang dikelolakan oleh pihak INTAN dan kebetulannya Jawatankuasa-jawatankuasa yang terpenting yang berkenaan dengannya itu juga dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Perancang Ekonomi. Jadi exposurenya di situ ataupun peluangnya bagi pengerusi ini untuk mendengar dan memahami apakah pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh pihak swasta, apakah yang membimbangkan mereka dan apakah harapan aspirasi mereka itu yang saya percaya akan menjadi pedoman yang boleh diberi pertimbangan dalam menentukan garis-garis panduan yang diusahakan oleh Task Force untuk dibentangkan kepada Kerajaan kemudian nanti.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Task Force yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi antara lain, sepertimana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri, ialah untuk menilai dan membuat aturcara-aturcara bagi penswastaan perkhidmatan Kerajaan. Saya ingin tahu adakah Task Force ini juga akan bertindak sebagai penilai perkhidmatan-perkhidmatan tersebut, dan kalau tidak, adakah Task Force bermaksud hendak menjemput

jurunilai-jurunilai bebas apabila suatu perkhidmatan itu hendak dijual kepada pihak swasta?

Yang keduanya, adakah setakat ini berapa banyakkah perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan baik perkhidmatan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat yang telah dikenal pasti oleh Task Force untuk diswastakan dan berapa lama agaknya program penswastakan perkhidmatan yang sudah dikenal pasti akan dapat dibereskan?

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang Dipertua, berhubung dengan soalan yang pertama berhubung dengan penilaian saya belum diberitahu lagi, tentang cara manakah penilaian atau (costing) bagi perkhidmatan sesuatu itu akan dibuat dan siapa akan melaksanakan walaupun dalam perkhidmatan Kerajaan sendiri ada Jabatan yang membuat penilaian itu, tetapi kita masih belum pastikan siapakah yang akan membuat walau bagaimanapun perkara costing adalah dalam bidang pertimbangan Jawatankuasa ini juga.

Yang keduanya soal kenal pasti, sebagaimana saya katakan tadi kita belum ada sesuatu list yang muktamad kerana isu-isu yang berhubung dengan penswastakan seperti yang saya katakan, legal aspect, seperti kedudukan pegawai-pegawai yang terlibat dan sejauh manakah penswastakan itu boleh dibuat, aspek-aspek mana yang boleh diswastakan, jadi banyak perkara-perkara yang terlibat ini yang masih belum ditentukan. Even the guidelines itu pun perlu dihalusi betul-betul. Jadi untuk menentukan schedule khidmat-khidmat yang akan diswastakan itu belumlah dapat ditentukan pada masa sekarang. Tetapi sebagaimana saya sebutkan pada awal tadi memang ada beberapa perkhidmatan yang biasa disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai

perkhidmatan-perkhidmatan yang boleh dipertimbangkan untuk diswastakan.

**Tuan Yang Dipertua:** Sungai Petani, soalan penghabisan.

**Wan Zainab binti M. A. Bakar:** Soalan tambahan, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri apakah kriteria atau unsur-unsur sesebuah projek atau badan yang hendak diswastakan itu supaya penswastakan itu boleh menguntungkan rakyat jelata bawahan.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang Dipertua, antara perkara-perkara yang sedang diberi pertimbangan tetapi saya tidak dapat hendak senaraikan semua itu, mungkin jadi cerita panjang, itu yang pertama.

Yang keduanya pula, belum lagi muktamad, tetapi oleh sebab Ahli Yang Berhormat telah menimbulkan perkara ini, sukalah saya mengatakan satu daripadanya ialah daripada segi public accountability. Jadi kita mengharapkan supaya diadakan satu cara di mana khidmat-khidmat yang diswastakan itu dapat kita perhatikan, kita dapat monitor untuk memastikan bahawasanya kepentingan awam tidak akan diketepikan. Oleh sebab mungkin mereka hendak mengejar keuntungan daripada khidmat yang dikendalikan itu daripada segi public accountabilitinya. Dan juga ada kemungkinan khidmat-khidmat ini akan diletakkan sebagai khidmat-khidmat yang mustahak (essential service) dan akan menentukan pembayaran-pembayaran yang boleh dikenakan kepada rakyat untuk menggunakan perkhidmatan-perkhidmatan itu sebagaimana pada masa sekarang ini Kerajaan menentukan harga barang-barang keperluan. Jadi ini adalah merupakan satu bentuk kawalan (control) yang

dapat menjamin jika sekiranya khidmat itu diswastakan, maka kepentingan rakyat tidak akan diabaikan.

#### **MAS—PERKHIDMATAN KE BRUNEI**

**4. Dr George Chan Chong Hong Nam** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sejak MAS memberhentikan penerbangan sektor/Miri/Bandar Seri Begawan/Miri pada tahun 1977 penduduk-penduduk di Miri yang ingin membuat perjalanan ke Brunei dan sebaliknya mengalami banyak kerumitan oleh kerana mereka terpaksa menggunakan jalan raya pasir yang berbatu-batu panjangnya yang menghubungkan bandar Miri dan Kuala Belait, Brunei yang susah dan merbahaya dilintasi dengan kereta pada waktu kemarau atau musim hujan serta menunggu feri berjam-jam di dua buah pengkalan feri, khususnya pada hari-hari kebesaran dan cuti umum dan memandang begitu ramai orang yang membuat perjalanan pergi balik kedua bandar setiap hari (kira-kira 1,300 orang), adakah MAS ingin menyambung semula penerbangannya; jika tidak sebutkan sebab-sebabnya serta menjelaskan sama ada MAS ada apa-apa bantahan untuk lain-lain syarikat penerbangan memulakan penerbangan mereka bagi sektor penerbangan tersebut.

**Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Tuan Yang Dipertua, perkhidmatan udara di antara tempat-tempat di Malaysia dan Brunei merupakan perkhidmatan antarabangsa yang diadakan mengikut persetujuan yang dicapai di bawah perjanjian udara dua hala di antara Malaysia dengan United Kingdom.

Perkhidmatan yang diadakan di antara Miri/Bandar Seri Begawan dan sebaliknya telah dibatalkan dalam tahun 1975 kerana beberapa perkara

telah tidak dapat dipersetujui semasa rundingan diadakan di antara kedua-dua belah pihak pada ketika itu.

Pada masa ini kedua-dua syarikat penerbangan iaitu MAS dan Royal Brunei Airlines sedang mengadakan perbincangan untuk mengkaji kemungkinan mengadakan semula perkhidmatan udara pada sektor tersebut. Walau bagaimanapun, rundingan yang diadakan sekarang ini perlu mengambil kira implikasi-implikasi tertentu supaya kepentingan negara tidak terjejas dan juga bagi menentukan negara kita tidak kehilangan penumpang-penumpang yang ingin membuat penerbangan ke destinasi-destinasi antarabangsa diangkut oleh syarikat-syarikat penerbangan lain pula.

#### **MAMPU—PENGKAJIAN MEMODENKAN SISTEM PENTADBIRAN**

**5. Dr Tan Seng Giaw** minta Perdana Menteri menyatakan fungsi yang dimainkan oleh MAMPU semenjak pelaksanaan pelbagai konsep Kerajaan seperti Pandang ke Timur, Kepimpinan Melalui Tauladan dan sebagainya. Adakah MAMPU mengkaji keperluan gunatenaga negara kedua-dua dalam jangka panjang dan jangka pendek.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang Dipertua, MAMPU telah diberi tanggungjawab untuk mengkaji dan merancang cara-cara bagi memodenkan sistem pentadbiran negara serta mengatasi kelemahan-kelemahan yang wujud sekarang dalam sistem pengurusan agensi-agensi Kerajaan. Oleh itu ia telah memainkan peranan utama dalam berbagai-bagai usaha Kerajaan untuk mewujudkan pentadbiran yang bersih, cekap dan amanah dan sistem perancangan tenaga manusia yang lebih berkesan.

Antara fungsi-fungsi utama yang telah diselenggarakan sesuai dengan konsep-konsep baru Kerajaan, termasuklah membaharukan program Perkhidmatan Cemerlang supaya dapat menyerap unsur-unsur etika kerja yang baik, melaksanakan sistem-sistem baru seperti penggunaan Kad Perakam Waktu, penubuhan Pusat-pusat Bayaran Bil dan Perkhidmatan Setempat dan Pejabat Daerah Contoh, Pejabat Pelan Terbuka, Penyusunan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja untuk panduan pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan dan sebagainya.

Pengembangan Konsep Q.C.C. atau kumpulan mutu kerja dan Kepimpinan Melalui Tauladan juga diusahakan bersama agensi-agensi lain seperti INTAN. Di samping itu, kemajuan semua usaha-usaha pemodenan perkhidmatan awam sedang di "monitor" oleh MAMPU untuk memastikan supaya berjalan dengan lancar dan berkesan.

Mengenai soal keperluan gunatenaga negara dalam jangka panjang dan pendek ia memang dijalankan dalam kontek perancangan pembangunan sosio-ekonomi kita.

MAMPU bertanggungjawab menyelaras dan menjalankan beberapa kajian dari segi ini, seperti kajian membuat anjuran keperluan dan kekurangan tenaga mahir dalam bidang-bidang pekerjaan utama bagi masa akan datang.

**Dr Tan Seng Giaw:** Soalan tambahan. Memandangkan graduan-graduan daripada universiti tempatan dan universiti asing yang menganggur, bilangannya mungkin meningkat kepada 20,000. Adakah pihak MAMPU dapat kemampuan untuk menyiasat sama ada ini membayangkan keperluan-keperluan negara, maksud saya adakah MAMPU mempunyai kemampuan untuk

menyiasat faktor-faktor yang menyebabkan graduan-graduan yang menganggur?

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang Dipertua, kemampuan MAMPU dalam membuat penyelidikan dan penyiasatan tidak terhad kepada hanya pegawai-pegawai yang berkhidmat dengan MAMPU semata-mata tetapi tenaga kepakaran dari agensi-agensi yang lain termasuk juga dari pihak swasta juga digunakan dan diambil untuk berkhidmat dengan MAMPU bagi menentukan sesuatu perkara, sesuatu kajian yang hendak dilaksanakan. Dalam hal ini saya percaya MAMPU mempunyai keupayaan jika itulah cara ianya bekerja.

**Datin Paduka Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri ada mengatakan bahawa MAMPU telah mengkaji dan merancang iaitu untuk memodenkan sistem pentadbiran negara beberapa tahun yang lalu dan Pejabat-pejabat Daerah Contoh juga telah dikenalpasti. Saya ingin tahu bilakah contoh-contoh Pejabat Daerah ini dapat dijadikan contoh untuk dilaksanakan oleh semua Pejabat-pejabat Daerah yang ada di seluruh negara kerana saya dapati masih ada kelemahan-kelemahan di Pejabat-pejabat Daerah yang ada sekarang ini.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang Dipertua, Pejabat Daerah Contoh telah pun diadakan sekurang-kurangnya satu bagi tiap-tiap negeri, tetapi saya minta maaf kerana tidak dapat memberikan senarai Pejabat-pejabat Daerah yang manakah di negeri-negeri Malaysia ini yang telah pun dipilih untuk dijadikan Pejabat Daerah Contoh tetapi maklumat yang ada pada saya sebenarnya dan memang saya tahu tiap-tiap negeri sudah pun ada

Pejabat-pejabat Daerah Contoh itu dan adalah menjadi perancangan MAMPU untuk membanyakkan lagi Pejabat-pejabat Daerah Contoh itu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa sungguhpun ada banyak cogankata-cogankata semacam Kepimpinan Melalui Tauladan, Perkhidmatan Cemerlang dan lain-lain untuk memodenkan dan meninggikan taraf kecekapan pentadbiran oleh Kerajaan dan MAMPU bahawa kepada orang ramai mereka tidak rasa bahawa ada apa-apa hasil daripada proses organisasi atau meningkat kecekapan pentadbiran oleh MAMPU, dan memandangkan kegagalan MAMPU ini adakah pihak Kerajaan kaji mengadakan satu unit jentera untuk memampukan MAMPU untuk mencapainya.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang Dipertua, saya tidak setuju dengan kesimpulan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat itu tentang kegagalan MAMPU. Sebenarnya, MAMPU memang berjaya dalam melaksanakan projek-projek pembaharuan untuk memperbaiki prestasi dan kecekapan Perkhidmatan Awam. Dan ini boleh dibuktikan dari banyak surat-surat yang telah dihantar yang telah mengucapkan terima kasih di samping menegur dan membuat cadangan untuk memperbaiki lagi projek-projek yang telah dilaksanakan oleh MAMPU itu. Projek perakam waktu memang disambut baik oleh rakyat kita. Pusat Pembayaran Bil Setempat dan Pusat Khidmat Setempat itu pun adalah disambut baik oleh rakyat kerana ini adalah memberi kemudahan yang lebih sempurna kepada rakyat daripada masa yang dulu dan kalau saya hendak senaraikan satu-satu saya boleh tetapi yang ada maklumat pada saya ialah usaha-usaha pembaharuan MAMPU adalah rupa usaha-usaha yang berjaya

dan berusaha langkah ke hadapan yang positif yang memang diakui dan diterima oleh rakyat.

#### DASAR EKONOMI BARU— PELAKSANAAN

6. **Tuan Lim Kit Siang** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar terdapat pandang berat awam yang kian meningkat terhadap jurang di antara "Dasar Ekonomi Baru seperti dilaksanakan" dengan "Dasar Ekonomi Baru seperti diisytiharkan" dan nyatakan apakan tindakan yang sedang diambil untuk menghentikan penyelewengan-penyelewengan dalam pelaksanaan; Dasar Ekonomi Baru daripada matlamat-matlamatnya dengan memberikan perhatian sempurna terhadap pembasmian kemiskinan, penyusunan semula yang berimbang masyarakat Malaysia serta putarbelitan cita-cita DEB melalui nepotisme dan rasuah?

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang Dipertua, satu andaian penting untuk pencapaian matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru ialah bahawa ekonomi negara akan berkembang pada kadar 8% setahun dalam tempoh pelaksanaannya iaitu daripada 1971-1990. Pada tahun-tahun tujuh puluhan, ekonomi negara telah berkembang pada kadar 7.8% setahun. Tetapi pada tahun 1981 kadar perkembangan ialah 6.9%. Dan apabila kesan resesi dunia menimpa negara ini kadar perkembangan ekonomi negara telah makin merosot iaitu sekitar 5% pada tahun 1982 lalu. Bagi tahun 1983 pula ekonomi negara kita dianggarkan berkembang lebih sedikit dari tahun 1982 kerana kemelesetan ekonomi hasil dari kesan-kesan resesi akan masih dialami oleh negara kita.

Oleh kerana ekonomi negara telah tidak dapat berkembang pada kadar yang dijangkakan maka aktiviti-aktiviti ekonomi telah tidak dapat

menunjukkan prestasi seperti yang diinginkan dan dirancang. Oleh yang demikian, kadar pencapaian matlamat-matlamat DEB juga telah terjejas dan inilah sebab utama terdapat jurang dalam pencapaian DEB berbanding dengan pencapaian yang dijangkakan. Saya percaya apabila keadaan kemelesetan berakhir dan ekonomi negara pulih semula, pencapaian DEB akan turut bertambah baik.

Oleh itu saya sekali-kali tidak bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat yang menyindir seolah-olah jurang perbezaan antara perancangan dan pencapaian pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru itu disebabkan penyelewengan akan nepotisme atau rasuah semata-mata. Mungkin banyak masalah yang dihadapi oleh Kerajaan tetapi Kerajaan tidak sekali-kali berpeluk tubuh dan berdiam diri. Tindakan-tindakan terus diambil bagi memperkemas jentera pelaksanaannya, membenters rasuah dalam pentadbiran, mengesan (monitor) prestasi Jabatan-jabatan Kerajaan serta agensi-agensi yang berkaitan dengan seperti MARA, Badan Perancangan Ekonomi Negeri, SEDC, UDA, Bank Pembangunan, HICOM, MAJUJIKAN, LPN dan lain-lain supaya tidak berlaku penyelewengan dalam pelaksanaan dan di mana perlu mengkaji semula objektif dan perancangan agensi-agensi itu maka pengkajian itu dibuat. Kerajaan juga menyemak semula perancangan yang dibuat serta program-program yang telah dilaksanakan melalui Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat yang sedang berjalan sekarang ini untuk menilai pencapaian setakat ini supaya tindakan-tindakan yang perlu dapat diambil untuk menentukan pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru sebagaimana yang dirancang.

Tuan Yang Dipertua, sayugia juga dinyatakan di sini bahawa dasar-dasar baru Kerajaan seperti Dasar Pandang Ke Timur, Persyarikatan Malaysia dan Penswastaan, serta bekerja mengikut Kepimpinan Melalui Tauladan dalam konsep Bersih, Cekap dan Amanah, akan membantu usaha-usaha ke arah pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru itu.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, berdasarkan soalan asal adakah setakat ini terdapat golongan-golongan atau puak yang cuba menghalang ataupun memutarbelitkan cita-cita Dasar Ekonomi Baru Kerajaan. Dan adakah benar terdapat setengah-setengah daripada tindakan parti-parti Pembangkang terutama semasa Pilihanraya ini boleh menjejaskan cita-cita perkembangan Dasar Ekonomi Baru kita.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Ya.

**Tuan Peter Chin Gan Oon:** Tuan Yang Dipertua, sedarkah Kerajaan bahawa penyalahgunaan Dasar Ekonomi Baru membawa kerosakan teruk sekali oleh setengah pegawai ialah dalam urusan harian mereka dengan rakyat. Umpamanya, pegawai itu menuntut supaya tingkat bawah sebuah cadangan rumah kedai tiga tingkat dalam sebuah bandar kecil dihaskan untuk bumiputera sebelum meluluskan pelannya atau lesen bas sewa milik sebuah syarikat bas yang tidak lagi berkembang yang sudah wujud 30 tahun lebih tidak akan dibarui kecuali penyertaan bumiputera ditambah. Bagaimanakah Kerajaan dapat mengawasi dengan berkesan penyalahgunaan begini yang melampaui kuasa hak perlembagaan negara dan juga menimbulkan perasaan buruk kepada semua orang.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang Dipertua, Kerajaan memang mempunyai jentera pengawasan, jentera bagi monitor pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru ini khususnya iaitu jentera yang terkenal dengan nama Majlis Tindakan Negara dan dalam mesyuarat Majlis Tindakan Negara inilah prestasi sesuatu agensi itu dikaji secara teliti strateginya termasuk juga objektif-objektifnya adalah dikaji, peraturan-peraturan yang telah ditentukan bagi mencapai sesuatu matlamat itu dihalusi dan di mana didapati bahawasanya satu-satu peraturan yang dibuat itu adalah tidak munasabah dan tidak sesuai ataupun yang boleh dianggap sebagai penindasan ataupun yang berbau perkauman maka tindakan-tindakan itu akan diubah dan digantikan dengan tindakan yang lebih sesuai yang dapat diterima oleh rakyat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah pihak Kerajaan bercadang menubuhkan sebuah badan yang tidak dikuasai oleh pentadbir-pentadbir atau pemimpin-pemimpin politik dengan sepenuh kuasa untuk mengelakkan, untuk monitor, mempertahankan dan untuk memberhentikan semua penyelewengan daripada pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru oleh kerana dalam perjalanan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru 13 tahun ini ada berlaku penyelewengan atau disebut dalam soalan prinsip ialah mengenai kemiskinan di mana jurang antara mereka yang berada dan tidak berada lebih besar dan lebih jauh di mana penyusunan masyarakat selective dan bukan seluruh di mana ada nipotisme dan korupsi sehingga Naib-Canselor Universiti Malaya, Professor Diraja Ungku Abdul Aziz pun ada melahirkan rasa bimbang mengenai nipotisme di dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, seorang yang jarang keluaran perasaan ini. Bukankah ini semua patut menjadi satu perkara yang

membimbangkan negara kita, Kerajaan kita untuk menubuhkan satu badan yang bebas yang sepenuh kuasa untuk berhentikan semua penyelewengan.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Mana-mana Kerajaan di dunia ini pun masalah seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ada sedikit sebanyak di sana sini dan bagi negara kita ini kita tidak nampak bahawasanya masalah yang disebutkan itu adalah masalah yang terlalu besar yang tidak dapat dikawal kerana agensi-agensi Kerajaan yang ada sekarang ini sudah berkemampuan untuk mengawal dengan baik supaya memastikan bahawasanya penyelewengan-penyelewengan dan rasuah dan nepotisme itu tidak wujud. Kawalan ini dibuat, pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru adalah tanggungjawab Kerajaan dan Kerajaan sendiri yang sedang memonitorkan usaha-usaha itu dan Kerajaan buat ini dengan penuh kesedaran bahawasanya pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru itu adalah bukan sahaja menjadi matlamat Kerajaan dan matlamat dasar dan adalah juga menjadi aspirasi rakyat.

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat dari Batang Padang, soalan yang penghabisan.

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Soalan tambahan, jawapan daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri tadi menyatakan bahawa adanya putar-belit dan penentang Dasar Ekonomi Baru ini. Adakah pihak Kerajaan bercadang kepada pihak-pihak yang menentang dan memutar-belitkan Dasar Ekonomi Baru ini dijadikan satu sensitive issue kerana bagi melicinkan perjalanan dan melancarkan lagi Dasar Ekonomi Baru dengan lebih baik di masa akan datang?

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tidak.

#### **KAD PENGENALAN BIRU KEPADA PENDATANG HARAM**

7. **Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar kad-kad pengenalan biru telah dikeluarkan kepada pendatang-pendatang haram dan pelarian-pelarian; jika ya, nyatakan sama ada beliau akan menjalankan siasatan ke dalam perkara tersebut; jika tidak, mengapa.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed):** Tuan Yang Dipertua, Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia tidak mengeluarkan kad-kad pengenalan biru kepada pendatang-pendatang haram dan pelarian-pelarian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kad-kad pengenalan biru hanya dikeluarkan kepada warganegara Malaysia.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang Dipertua, kalau pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri tidak mengeluarkan kad-kad pengenalan baik biru atau merah kepada pendatang-pendatang haram, siapa yang mengeluarkannya, bukannya Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ada dapati bukti, dapati maklumat bahawa pendatang-pendatang haram memperolehi kad-kad pengenalan baik pun biru atau merah.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang Dipertua, kalau Yang Berhormat itu mempunyai kenyataan yang spesifik, bolehlah beritahu kepada saya supaya kita mengambil tindakan yang tegas.

#### **DASAR PANDANG KE TIMUR**

8. **Tuan Karpal Singh** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah "Dasar Pandang ke Timur" membawa faedah kepada negara ini memandangkan kepada kemelesetan ekonomi dunia sekarang.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang Dipertua, sejak Kerajaan mengisytiharkan Dasar Pandang ke Timur, negara kita memang telah mendapat faedah-faedah bukan sahaja dalam bentuk peluang-peluang latihan di negara-negara timur khususnya Jepun dan Korea Selatan tetapi juga kita telah mendapat bantuan-bantuan kepakaran dan pemindahan teknologi daripada negara-negara berkenaan. Di samping itu menerusi dasar ini juga kita dapat mempelajari sistem-sistem pengurusan untuk sektor awam dan swasta. Ini merupakan sumber idea yang baru dan berfaedah bagi usaha-usaha kita untuk perkembangan ekonomi negara sekarang ini yang memberikan keutamaan kepada peningkatan kecekapan dan daya pengeluaran.

**Dr Tan Seng Giaw:** Soalan tambahan, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa dengan Dasar Pandang ke Timur ini baru-baru ini negara Jepun sudah mencadangkan untuk membeli getah dengan mutu rendah daripada negeri Thai bukan daripada Malaysia. Kalau begitu adakah ini satu tanda kejayaan Pandang ke Timur?

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang Dipertua, Dasar Pandang ke Timur tidak ada hubungannya dengan jual-beli ataupun pemberian kontrak-kontrak kepada Jepun ataupun kepada Korea.

**BANGUNAN-BANGUNAN  
SEKOLAH  
MENANGGUHKAN PEMBINAAN**

**9. Tuan V. Govindaraj** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah kriteria yang digunakan untuk menangguhkan pembinaan bangunan-bangunan sekolah untuk mengganti sekolah-sekolah yang sudah buruk, yang telah pun diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Khalil Yaakob):** Tuan Yang Dipertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat, sebenarnya ekoran dari langkah menghadapi kemelesetan ekonomi negara masa kini maka semua projek sekolah yang belum diikat kontrak diarah supaya ditangguhkan pembinaannya sehinggalah ekonomi negara pulih kembali. Kriteria penangguhan ini merangkumi semua jenis projek sekolah tidak kira sama ada ianya projek gantian bagi bangunan sekolah yang sudah buruk, projek tambahan ataupun projek baru. Walau bagaimanapun di mana sekolah-sekolah adalah terlalu buruk dan membahayakan, Kementerian saya telah dan akan melaksanakan kerja-kerja kecil untuk mengatasi manamana keadaan yang demikian.

**Tuan Chan Kok Kit:** Dapatkah Timbalan Menteri beritahu sama ada beliau sedar banyak sekolah-sekolah rendah Cina dan Tamil adalah dalam keadaan buruk dan sama ada Kerajaan akan membantu pembinaan sekolah-sekolah tersebut berdasarkan seringgit untuk seringgit (dollar-for-dollar basis).

**Dato' Mohamed Khalil Yaakob:** Tuan Yang Dipertua, pihak Kementerian sedar bukannya semua sekolah-sekolah yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dalam keadaan buruk. Di mana wujudnya keadaan yang demikian kita senantiasa mengkaji.

**IMPORT-EKSPORT—IMBANGAN  
PERDAGANGAN**

**10. Datuk Jamaluddin bin Haji Suhaimi** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan imbalan perdagangan (import) bagi 6 bulan pertama 1983 dan penjelasan mengapa sedemikian.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin):** Tuan Yang Dipertua, perangkaan awal yang diperolehi menunjukkan bahawa bagi 6 bulan pertama 1983, Malaysia telah mencatatkan lebihan perdagangan (trade surplus) sebanyak \$335.2 juta berbanding dengan kurangan perdagangan (trade deficit) sebanyak \$621.6 juta dalam tempoh yang sama tahun 1982. Dalam tempoh 6 bulan pertama 1983, jumlah nilai eksport Malaysia ialah \$15,092.2 juta manakala jumlah nilai import ialah sebanyak \$14,757 juta.

Pertumbuhan dalam pendapatan eksport negara adalah disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam kuantum eksport seperti petroleum mentah dan bijih timah. Eksport petroleum mentah telah meningkat kepada 6,920,800 tan bernilai \$3,944.2 juta bagi tempoh 6 bulan pertama tahun 1983 berbanding dengan 5,804,600 tan bernilai \$3,701.8 juta pada tempoh yang sama tahun 1982. Eksport bijih timah telah meningkat kepada 33,457 tan bernilai \$1,007.4 juta bagi tempoh 6 bulan pertama tahun 1983 berbanding dengan 21,917 tan bernilai \$714.6 juta dalam tempoh yang sama tahun 1982. Begitu juga terdapat kenaikan harga beberapa barangan eksport tertentu seperti getah dan kayu balak yang digergaji. Harga getah di Semenanjung Malaysia telah meningkat kepada purata 218.4 sen sekilogram dalam tempoh 6 bulan pertama tahun 1983 berbanding dengan 196.1 sen sekilogram dalam tempoh yang sama tahun 1982. Begitu juga harga kayu balak yang digergaji

juga telah meningkat kepada purata \$355.5 semeter padu dalam tempoh 6 bulan yang pertama berbanding dengan \$330.7 semeter padu dalam tempoh yang sama tahun 1982.

Eksport barang-barang pekilang telah juga meningkat terutamanya perkakas dan alat-alat ganti elektrik yang telah meningkat kepada \$2,262.9 juta dalam tempoh 6 bulan pertama tahun 1983 berbanding dengan \$1,746.6 juta dalam tempoh yang sama dalam tahun 1982.

Di samping itu Malaysia juga telah mula mengeksport Gas Asli Cecair dari Sarawak pada tahun 1983 di mana jumlah nilai eksport keluaran tersebut dalam tempoh 6 bulan pertama ialah sebanyak \$257.1 juta.

**Tuan Daud bin Dato Haji Taha:** Tuan Yang Dipertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu daripada jumlah \$15,092 juta eksport untuk tahun 1983, berapakah daripada jumlah ini yang datang daripada pasaran baru hasil daripada lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita untuk mendapatkan pasaran baru.

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang Dipertua, angka yang ada pada saya ialah angka yang menyeluruh dan saya ingin mendapatkan notis jika sekiranya Yang Berhormat itu ingin mengetahui secara detail berkenaan dengan pasaran-pasaran baru di mana barang-barang kita telah dapat dieksport hasil daripada mission ataupun misi-misi perdagangan yang telah pun dibuat.

## KEMPEN ANTI-DADAH

11. **Tuan Quah Wee Liam** minta Perdana Menteri menyatakan di peringkat manakah Kempen Kebangsaan mengenai Penyalahgunaan Dadah telah dilaksanakan dengan memberi satu

laporan ringkas mengenai peringkat Kempen Kebangsaan ini dari masa pelancaran hingga sekarang.

**Timbalan Menteri dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad):** Tuan Yang Dipertua, saya memohon izin untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat daripada Kluang ini bersekali dengan pertanyaan Yang Berhormat dari Kinta pada 17hb Oktober, 1983 oleh kerana kedua-dua pertanyaan itu mempunyai maksud yang sama.

Kempen anti-dadah peringkat kebangsaan dilancar pada 19hb Februari, 1983 untuk memberikan fahaman yang mendalam serta kesedaran kepada rakyat khususnya ibu bapa mengenai bahaya penggunaan dadah. Kempen-kempen yang sama juga diadakan di peringkat negeri dan daerah.

Dalam melaksanakan kempen-kempen tersebut beberapa aktiviti telah diadakan termasuk seminar, kursus-kursus sivik, pameran, pentas bergerak, pengedaran folder, buku-buku kecil, pelekat kereta, poster, pertunjukan cinema slides serta sepanduk-sepanduk di tempat-tempat yang strategik. Aktiviti-aktiviti tersebut berjaya membangkit serta meningkatkan kesedaran rakyat tentang wabak dadah.

Selaras dengan kempen tersebut agensi-agensi penguatkuasaan telah memperhebatkan tindakan membenteras kegiatan pengedaran, penjualan dan penagihan dadah di seluruh negara. Sejak pelancaran kempen hingga 15hb September, 1983 seramai 200 orang pengedar telah ditangkap di bawah Seksyen 39 (b) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan seramai 167 orang penjual ditangkap di bawah Seksyen 39 (a) Akta tersebut. Seramai 6,017 orang penagih dadah telah ditangkap dalam tempoh yang sama. Pada keseluruhannya tangkapan di bawah Akta Dadah

Berbahaya 1952 telah meningkat sebanyak 4.6% berbanding dengan tangkapan dalam tempoh yang sama dalam tahun 1982. Rekod menunjukkan golongan pengedar yang ditangkap meningkat dengan ketara sekali iaitu sebanyak 52.67%.

Dalam tempoh 19hb Februari hingga 15hb September, 1983 agensi-agensi penguatkuasaan berjaya merampas sebanyak 78.11 kg candu mentah, 14.31 kg candu masak, 125.27 kg heroin dan 1,186 biji pil. Rampasan-rampasan itu merupakan satu kejayaan yang besar jika dibandingkan dengan rampasan-rampasan dalam tempoh yang sama dalam tahun 1982. Pada keseluruhannya rampasan candu mentah telah meningkat sebanyak 50.26%; candu masak sebanyak 53.21%, heroin sebanyak 318.12% dan biji-biji pil sebanyak 110.28%.

Setakat ini 7 buah sindiket pengedaran dadah telah dikesan oleh pihak Polis di mana 46 orang ahli sindiket tersebut telah ditangkap. Sindiket-sindiket ini bertanggungjawab mengedar dadah di peringkat tempatan dan antarabangsa. Dengan kerjasama orang ramai pihak Polis juga telah berjaya membongkar 3 buah makmal haram.

Pihak Kerajaan sentiasa dan akan terus mempergiatkan lagi operasi terhadap sindiket-sindiket pengedaran dadah di negara ini. Tindakan positif pihak penguatkuasaan terhadap pengedaran dan penagih-penagih dadah secara langsung telah menyebabkan berkurangnya bekalan dadah. Kajian membuktikan bahawa harga dadah meningkat manakala mutunya pula menurun. Di samping itu pihak pengedar dipercayai telah mencampuri dadah dengan bahan-bahan lain akibat kekurangan bekalan. Kempen anti-dadah dan usaha-usaha susulan oleh agensi-agensi penguatkuasaan telah menunjukkan kesan-kesan positif.

Penagih-penagih terpaksa mengubah cara dan tempat menjalankan kegiatan terkutuk itu. Mereka sekarang tidak lagi berkumpul seperti biasa tetapi sebaliknya mengambil dadah di tempat-tempat sulit dalam kumpulan yang lebih kecil yang dianggotai oleh rakan-rakan yang dipercayai sahaja. Keadaan dan suasana ini menimbulkan rasa curiga sesama mereka. Akibatnya orang-orang yang belum atau yang baharu sahaja menagih akan terhindar dari kegiatan ini.

Selaras dengan pengisytiharan dadah sebagai wabak yang boleh mengancam keselamatan negara, bilik-bilik gerakan dibuka di peringkat pusat dan negeri mulai pada 15hb Mac, 1983.

Pembukaan bilik-bilik gerakan ini telah disambut baik oleh orang ramai. Sehingga kini sebanyak 3,948 panggilan diterima mengenai pengedaran, penjualan dan penagihan dadah. Dari jumlah panggilan tersebut, sebanyak 256 panggilan atau 6.7% adalah panggilan untuk menyerah diri.

Dari segi rawatan dan pemulihan, Kerajaan telah mengadakan 4 buah pusat pemulihan. Sejak kempen anti-dadah dilancarkan keupayaan pusat-pusat pemulihan dadah Bukit Mertajam dan Tampoi telah ditingkatkan dari 150 orang kepada 300 orang. Pada masa ini keseluruhan pusat pemulihan dapat memulihkan seramai 1,030 penghuni. Pusat pemulihan di Tampin ialah pusat serenti. Manakala 3 buah lagi ialah pusat pemulihan dadah.

Di pusat serenti Tampin, disediakan segala kemudahan penentuan detoxifikasi, perkhidmatan Majistret dan berbagai aktiviti pemulihan. Usaha-usaha pemulihan di pusat-pusat tersebut menekankan aspek-aspek disiplin, kemahiran dan rohaniah yang bertujuan supaya penagih-penagih

dapat berdikari dan menyumbang terhadap usaha pembangunan negara selepas menjalani tempoh pemulihan.

Memandangkan bahawa wabak dadah perlu dibentasi habis-habisan maka Kerajaan berharap akan mendapat kerjasama dari semua pihak dan ini jelas terbukti apabila Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Dalam Negeri telah mengadakan beberapa pertemuan dengan semua wartawan akhbar tempatan, wakil-wakil akhbar asing, pertubuhan-pertubuhan sukarela, belia termasuk pertubuhan politik dan wakil-wakil pihak swasta.

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat panjangkah?

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Dua baris.

**Tuan Yang Dipertua:** Dua baris sahaja.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Perjumpaan tersebut menunjukkan bahawa semua pihak sama ada swasta mahupun agensi-agensi Kerajaan menyambut baik dan bersedia memainkan peranan masing-masing ke arah pencapaian matlamat ini. Masyarakat terutamanya ibu bapa bukan sahaja bertanggungjawab untuk mencegah penglibatan anak-anak mereka dalam wabak ini tetapi mereka juga seharusnya sanggup menerima dengan baik dan membimbing secara positif bekas-bekas penagih yang telah dipulih.

**Tuan Yang Dipertua:** Masa sudah cukup. Pertanyaannya pendek, jawapannya panjang! (*Ketawa*)

*(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut ialah cukup dan Jawapan bagi pertanyaan No. 12 dan 13 adalah diberi di bawah ini).*

## PETRONAS—PENDAPATAN MINYAK/GAS

**12. Dr George Chan Hong Nam** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah pendapatan (sebelum membayar cukai) yang PETRONAS mendapati dari keluaran minyak dan gas di negeri Sarawak sejak tahun 1974 hingga setengah tahun pertama bagi tahun 1983 dan juga pada tempoh tersebut, apakah jumlahnya yang:

- (a) digunakan sebagai modal pelaburan dalam PETRONAS sendiri;
- (b) dilaburkan dalam anak-anak syarikat PETRONAS, misalnya CARIGALI;
- (c) dianggap sebagai keuntungan;
- (d) dibayar sebagai cukai kepada Kerajaan Persekutuan dan sebagai royalti minyak/gas kepada Kerajaan Negeri Sarawak masing-masing.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Jumlah pendapatan (sebelum cukai) PETRONAS yang diperolehi dari Minyak Mentah dan gas di Sarawak semenjak tahun 1974 hingga 30hb Jun, 1983 berjumlah \$9,760.00 juta.

Untuk menjawab soalan-soalan (a), (b), (c), (d), suka saya memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa kesemua sumber-sumber pendapatan yang diperolehi daripada aktiviti-aktiviti pengeluaran minyak dan gas PETRONAS dikreditkan pendapatan-pendapatan itu ke dalam satu Tabung. Oleh itu kesemua urusan pelaburan-pelaburan dan bayaran-bayaran cukai yang dilakukan oleh PETRONAS dikenakan daripada Tabung Kewangan tersebut. Dengan hal yang demikian, PETRONAS tidak ada pecahan-pecahan angka yang dibayar untuk pelaburan-pelaburan dan lain-lain aktiviti PETRONAS yang

dikenakan kepada pendapatan-pendapatan yang diperolehi daripada keluaran minyak dan gas di negeri Sarawak.

Jumlah royalti yang telah dibayar kepada Kerajaan Negeri Sarawak dalam tempoh tersebut berjumlah \$853.0 juta.

### **GRADUAN UNIVERSITI- UNIVERSITI TEMPATAN**

**13. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada benar atau tidak bahawa mutu para graduan dari Universiti-universiti tempatan sedang menurun. Adakah benar bahawa murid-murid kita yang dihantar oleh Kerajaan ke Amerika Syarikat dan United Kingdom adalah dihantar ke kolej-kolej dan universiti-universiti yang kurang bermutu. Jika ya, mengapa dan jika tidak, apakah buktinya.

**Dato' Mohamed Khalil Yaakob:** Adalah tidak benar jika dikatakan mutu para graduan dari universiti-universiti tempatan sedang menurun. Kementerian Pelajaran sentiasa menjaga nilai kriteria kemasukan pelajar-pelajar ke universiti-universiti tempatan.

Adalah menjadi dasar Kerajaan menempatkan semua pelajar-pelajar tajaan Kerajaan yang dihantar di dalam berbagai-bagai bidang pengajian ke U.S.A. dan ke United Kingdom, ditempatkan di universiti-universiti dan kolej-kolej yang bermutu tinggi atau terkenal. Di samping itu kesemua pelajar-pelajar tersebut ditempatkan di universiti-universiti dan kolej-kolej yang telah diiktiraf oleh Kerajaan. Dasar penempatan ini memang dijalankan oleh semua penganjur-penganjur Kerajaan yang terlibat dalam program penghantaran pelajar-pelajar ke seberang laut. Dengan ini dakwaan

Yang Berhormat, yang pelajar-pelajar ditempatkan di universiti-universiti yang kurang bermutu adalah tidak benar.

### **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

#### **RANG UNDANG-UNDANG MANUVER TENTERA**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Manuver Tentera; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pertahanan; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG PENGAMBILAN TANAH (PINDAAN)**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (13hb Oktober, 1983).

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat dari Batu Pahat.

4.09 ptg.

**Tuan Daud bin Dato Haji Taha (Batu Pahat):** Bismillahirrahmanirrahim. Tuan Yang Dipertua, saya bersama rakan-rakan saya turut bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Pengambilan Tanah dan seterusnya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah berjaya menyampaikan atau menjayakan apa yang telah dihasrat oleh rakyat khususnya pemunya-pemunya Tanah Simpanan Melayu.

Setelah begitu lama mengharungi perasaan yang begitu sedih disebabkan oleh perbezaan yang begitu besar dari segi nilai Tanah Simpanan Melayu dengan tanah-tanah yang lain maka dengan ini diharapkan dengan terlaksananya Rang Undang-undang ini maka jurang-jurang yang besar itu akan dapat diperkurangkan.

Apa yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri meliputi empat perkara besar yang pada saya suka simpulkan iaitu supaya setiap tuanpunya Tanah Simpanan Melayu yang mana tanah-tanah mereka telah diambil alih oleh Kerajaan akan dipastikan mendapat pampasan yang adil. Seterusnya di dalam pelaksanaan pengambilan tanah itu masa telah ditentukan supaya tidak lebih dari dua tahun. Selain daripada itu juga Kerajaan akan menimbangkan dengan seberat-beratnya supaya pengambilan tanah itu tidak melibatkan pengorbanan yang besar daripada tuanpunya-tuanpunya tanah tersebut. Selain daripada itu Kerajaan hendaklah menimbangkan untuk meningkatkan lagi faedah daripada 6% kepada 8%.

Intisari daripada segala-gala matlamat tersebut ialah kerana hasrat Kerajaan untuk menentukan supaya pembangunan infrastruktur, pembangunan untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru dapat dijalankan, dilaksanakan dengan tidak mendapat rintangan-rintangan daripada mana-mana pihak.

Di dalam perkara pampasan ini suka saya mengingatkan kepada Yang Berhormat Menteri walaupun kemungkinan Rang Undang-undang ini telah pun diadakan di dalam masa-masa yang lalu, tetapi penyelewengan telah juga berlaku di dalam segi penilaian tanah-tanah yang maksud saya di masa-masa yang lampau tanah-tanah yang bukan di dalam Tanah Simpanan Melayu, tetapi ini boleh juga dilakukan di dalam penilaian

Tanah-tanah Simpanan Melayu, kerana kemungkinan mengikut pengalaman saya, ada tanah-tanah di satu tempat penilaian di satu kawasan itu yang lebih belakang daripada jalan raya telah mendapat nilai yang lebih tinggi daripada tanah yang berhampiran dengan jalan raya. Jadi tuanpunya tanah itu telah datang kepada saya bertanya keadaan, dan saya pun tidak faham mengapa kedudukan seperti yang demikian, kerana tanah yang terlibat bukanlah Tanah Simpanan Melayu. Dan saya telah difahamkan ada jalan-jalan dan cara-caranya bagaimana tuanpunya tanah yang berhampiran di jalan raya ini boleh mendapat penilaian yang lebih tinggi daripada tanah yang telah dinilai itu. Jadi pada pendapat saya inilah cara-cara penyelewengan yang boleh dilakukan walaupun undang-undang telah sedia ada.

Di dalam penilaian tanah-tanah yang akan diambil itu, suka saya mengingatkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya potensi tanah-tanah yang akan diambil itu hendaklah diambilkira daripada segi penggunaannya, kerana kalau dikira tanah itu tanah pertanian, tetapi matlamat penggunaannya bukanlah untuk tanah pertanian, tetapi ialah untuk matlamat yang lain seperti perumahan, industri ataupun commercial dan sebagainya, maka nilai-nilai itu hendaklah mengikut potensi tanah yang tersebut, janganlah hendaknya dinilai mengikut asal mula tanah itu iaitu kalau tanah itu tanah pertanian, maka penilaian hendaklah mengikut dasar-dasar tanah pertanian.

Tuan Yang Dipertua, ada kadangkalanya tanah itu begitu kecil seluas 2-3 ekar, tetapi disebabkan oleh cara pengambilan tanah itu yang mana mengharungi di tengah-tengah tanah tersebut menyebabkan kedudukan tanah itu menjadi begitu tidak ekonomik untuk dijayakan dengan apa-apa projek sekalipun. Maka

dalam perkara ini sudah tentulah adil sekiranya jika Kerajaan memberikan pampasan kepada keseluruhan tanah tersebut, bukanlah mengikut sebesar tanah yang telah diambil itu sahaja.

Tuan Yang Dipertua, di dalam masa yang telah ditentukan iaitu masalah pengambilan tanah hendaklah diselesaikan dalam dua tahun. Sukalah saya menyatakan di sini hendaknya janganlah menjadi matlamat pegawai-pegawai yang terlibat di dalam masalah pengambilan tanah ini menanti sehingga dua tahun baru hendak diselesaikan masalah-masalah tersebut. Perlu kita kaji sekiranya ada ketidakcekapan atau penyelewengan yang berlaku yang mana masalah-masalah ini boleh diselesaikan dalam masa yang pendek daripada dua tahun, maka hendaklah Kerajaan mengenakan denda ataupun mengambil tindakan tatatertib kepada pegawai-pegawai tersebut supaya pelaksanaan dasar Kerajaan sentiasa licin dan cekap.

Tuan Yang Dipertua, di dalam pengambilan tanah ini, saya suka mengambil perhatian Yang Berhormat Menteri mengenai tanah-tanah terbiar, dan tanah-tanah yang tidak bertuan ataupun di mana tuannya telah begitu bertimpal disebabkan oleh belum dapat diselesaikan urusan wasiat itu telah mati warisnya dan seterusnya bertalitan. Maka sukalah saya menyarankan supaya Kerajaan memikirkan tanah-tanah terbiar dan tanah-tanah yang tidak begitu ekonomik. Misalnya, apabila tuannya tanah itu ditempatkan di rancangan-rancangan FELDA, maka tanah-tanah yang telah ditinggalkan itu mungkin menjadi terbiar dan tidak digunakan untuk pertanian dan sebagainya.

Saya mencadangkan supaya pihak Kementerian mengambil alih tanah-tanah tersebut dan memberikannya kepada mereka yang mempunyai

tanah di sekelilingnya supaya dapat diperbesarkan pemegang tanah itu menjadi satu kawasan yang besar dan lebih ekonomik untuk dilaksanakan apa-apa projek sekalipun.

Selain daripada itu kita perlu memikirkan juga masalah perkampungan-perkampungan lama yang mana tidak ekonomik untuk Kerajaan membangunkan kawasan tersebut, oleh sebab kedudukan yang jauh dan sebagainya. Maka apakah perlu Kerajaan memikirkan sama ada dipindahkan keseluruhan penduduk-penduduk kampung itu di suatu tempat yang lebih sesuai yang mana Kerajaan boleh memberikan infrastruktur-infrastruktur ataupun kemudahan-kemudahan asas dan sebagainya ataupun pusat-pusat bandar baru yang mana mereka boleh mendapatkan hasil tanaman ataupun kehidupan baru yang lebih memberi makna atau manfaat daripada cara kehidupan mereka yang lalu di mana di kawasan perkampungan mereka itu mereka tidak mempunyai tanah yang cukup atau ekonomik dan tidak mendapat faedah infrastruktur asas yang boleh diberikan oleh Kerajaan.

Tuan Yang Dipertua, konsep yang ketiga, yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Menteri ialah tidak melibatkan pengorbanan yang besar, tetapi dalam perkara ini, saya suka menyatakan Tanah-tanah Simpanan Melayu yang telah diambil alih oleh Kerajaan di masa-masa yang lampau menyebabkan pengorbanan yang besar oleh tuan-tuanpunya tanah tersebut, kerana tanah mereka telah diambil alih dengan harga yang begitu murah sekali. Oleh yang demikian saya menyokong saranan daripada sahabat saya Yang Berhormat dari Parit supaya difikirkan sama ada perlu dibayarkan semula ganjaran ataupun *arrears* daripada *nilai perbezaan* harga tanah semasa diambil dengan harga pasaran sekarang, kemungkinan Kerajaan untuk melaksanakannya

untuk kembali kepada masa yang begitu jauh—tidak mungkin. Maka sukalah saya mencadangkan kalau boleh dikembalikan masa 10 tahun yang lalu di mana masa itulah harga tanah melambung-lambung naik. Jadi adillah sekiranya mereka diberikan nilai yang sepatutnya di masa tanah mereka diambil alih oleh Kerajaan.

Kerajaan di dalam cuba melaksanakan pembangunan kadangkala terpaksa menghadapi masalah, rintangan-rintangan yang begitu hebat.

Saya suka mengambil perhatian masalah pembangunan di Bandar Rengit di mana pembangunannya telah tidak dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya kerana ada rintangan-rintangan daripada mereka yang telah mencerooboh tanah Kerajaan walaupun Kerajaan telah memberikan pampasan kepada mereka, tetapi mereka telah menggunakan wang pampasan itu berdiam di tempat itu seolah-olah merekalah tuanpunya tanah itu dan merekalah berhak mendapat pampasan tetapi tidak patut disuruh berpindah daripada tanah yang mereka duduki itu. Walhal apa yang telah diberikan oleh Kerajaan ialah hanya daripada sifat perikemanusiaan kerana Kerajaan tidak perlu membayar pampasan kepada mereka yang mencerooboh tanah-tanah Kerajaan. Memang betul mereka membayar cukai pintu tetapi hendaklah kita faham cukai pintu dibayar bukan kerana tanah—tetapi kerana rumah. Maka oleh sebab yang demikian, saya sukalah meminta kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka supaya memahami hakikat cukai pintu dengan cukai tanah.

Tuan Yang Dipertua, nampaknya pihak DAP sentiasa mengambil peluang untuk menanggung di air yang keruh dan mendapatkan publisiti yang murah kerana apa yang telah dilakukan oleh Kerajaan di Rengit

untuk mendirikan gerai-gerai MARA ialah didirikan di atas tanah Kerajaan yang mana Kerajaan berhak untuk melaksanakan projek-projek Kerajaan. Kalau Kerajaan tidak berhak mendirikan projek-projek di atas tanah Kerajaan maka bagaimana Kerajaan hendak melaksanakan projek-projek di situ sendiri. Jadi, inilah yang patut difahami oleh pihak DAP, khasnya Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang saya fikir kurang arif di dalam perkara ini.

Tuan Yang Dipertua, saya suka mengambil perhatian juga mengenai pengambilan tanah ini di mana pembangunan-pembangunan yang hendak didirikan oleh Kerajaan itu hendaklah ditentukan supaya setiap pembangunan ataupun bandar-bandar kecil yang hendak didirikan itu dilengkapi dengan selengkap-lengkapannya infrastruktur-infrastruktur dan juga kemudahan-kemudahan yang lain supaya matlamat Kerajaan itu dapat dicapai kerana di masa-masa yang lampau bandar-bandar baru yang dilaksanakan oleh Kerajaan kadangkala telah tidak dapat dipenuhi, bahkan sebaliknya telah timbul pekan-pekan kecil mengelilingi bandar-bandar yang dibangunkan oleh Kerajaan itu. Ini pada pendapat saya tidak lain dan tidak bukan ialah kerana kemudahan-kemudahan yang perlu tidak dapat diadakan, sebaliknya lebih mudah bagi mereka itu untuk mendiami pekan-pekan kecil di sekeliling kawasan-kawasan yang telah dibangunkan oleh Kerajaan itu.

Di dalam matlamat Kerajaan untuk mencapai Dasar Ekonomi Baru maka adalah perlu Kerajaan membawa industri-industri kecil ke luar bandar kerana dengan cara ini sahajalah mereka yang di luar bandar boleh mendapat pekerjaan dan dengan gaji yang kecil itu mampu untuk diam di dalam kawasan-kawasan perkampungan kerana sekiranya mereka dibayar gaji yang begitu kecil

tetapi hendak berdiam di dalam bandar di mana taraf hidup (cost of living) yang begitu tinggi, maka sudah tentulah social problems akan timbul disebabkan oleh mereka tidak mampu dengan gaji yang begitu kecil untuk diam di dalam bandar. Maka suka saya menyarankan supaya Kerajaan membawa industri-industri kecil ke luar bandar supaya mereka boleh mampu hidup di samping bekerja di dalam kilang-kilang tersebut cukup untuk menampung kehidupan mereka sekiranya mereka duduk di dalam kampung-kampung mereka sendiri.

Inilah cara Kerajaan boleh membantu orang-orang Melayu untuk melibatkan diri di dalam perniagaan kerana Hadis Nabi mengatakan 9/10 daripada rezeki itu datangnya daripada perniagaan dan sebagaimana yang kita maklum orang-orang kaya (millionaire) tidak timbul daripada luar bandar, tetapi adalah datangnya daripada mereka yang diam di dalam bandar dan bandar-bandar besar. Maka sekiranya Kerajaan hendak mengkayakan orang-orang Melayu, maka hendaklah kita dengan segera memindahkan orang-orang Melayu ke dalam bandar, di samping juga menentukan supaya mereka mempunyai peluang-peluang yang besar untuk mendapat kejayaan di dalam bidang perniagaan.

Dengan ini saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri di atas kebijaksanaan beliau mengadakan Rang Undang-undang ini dan saya menyokong Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan) ini.

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat dari Bagan Datok.

4.27 ptg.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria (Bagan Datok):** Bismillahi rahmanir rahim. Tuan Yang Dipertua, saya

bangun untuk turut serta mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Pindaan Pengambilan Tanah 1960 yang mana pindaan Akta ini merupakan Akta Pengambilan Tanah (Pindaan) bagi tahun 1983.

Tuan Yang Dipertua, saya berdiri dengan seteguh-teguhnya bagi menyokong sepenuh-penuhnya pindaan Akta ini serta sesungguhnya mengalu-alukan di samping mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dan juga kepada seluruh anggota kakitangan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, terutama sekali Bahagian Undang-undang yang telah dapat mencatatkan satu sejarah bagi kemajuan tanah di dalam negara kita Malaysia yang tercinta ini.

Tuan Yang Dipertua, pindaan Akta Pengambilan Tanah ini sudah tentunya akan disambut dan diterima oleh semua golongan rakyat dan dengan terlaksananya undang-undang ini nanti akan lebih berkesan memberikan keadilan kepada tuan-tuan tanah apabila pihak Kerajaan mengambil tanah-tanah mereka untuk dijadikan projek-projek pembangunan Kerajaan bagi kepentingan rakyat itu sendiri.

(Tuan Shamsuri bin Md. Saleh  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang Dipertua, di dalam membahaskan pindaan Akta Pengambilan Tanah di Dewan yang mulia ini pada hari semalam, pada mulanya saya sungguh merasa gembira di atas ucapan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang, iaitu Wakil dari Kota Melaka yang dalam awal-awal ucapannya telah menyokong pada dasarnya pindaan Akta Pengambilan Tanah ini, tetapi di pertengahan dan di akhir ucapannya sungguh-sungguh amat mendukacitakan dan saya rasa

tersinggung yang amat mendalam sekali atas tuduhan Wakil dari Kota Melaka itu yang mana dalam ucapannya telah menuduh Kerajaan kita tidak adil, pilih kasih, juga diskriminasi di atas pelaksanaan Kerajaan kita dalam mengambil tanah-tanah daripada tuan-tuan tanah untuk dimajukan bagi kepentingan rakyat sehinggakan beliau telah menyebut peristiwa yang berlaku di Rengit dan menuduh inikah Kerajaan yang berjiwa rakyat?

Wakil dari Kota Melaka itu mengatakan suatu sejarah yang sedih telah berlaku selama 20 tahun kepada Tanah-tanah Simpanan Melayu (TSM) yang telah dianiyai bukan sahaja oleh Kerajaan kolonial tetapi juga telah dianiyai oleh Kerajaan di dalam zaman kemerdekaan kita.

Tuan Yang Dipertua, saya rasa ucapan-ucapan beliau itu kalaulah dapat didengar atau dibaca oleh rakyat keseluruhannya di dalam negara kita ini sangatlah mengelirukan rakyat keseluruhannya. Tetapi nasib baiklah pemberita-pemberita ataupun surat-surat khabar tidak menyiarkan sepenuhnya ucapan beliau. Oleh itu, pada pendapat saya, Tuan Yang Dipertua, inilah cara yang paling senang, paling mudah bagi parti DAP ini hendak menjadi hero kononnya untuk menjadi pembela kepada tuan-tuanpunya Tanah Simpanan Melayu ini.

Tuan Yang Dipertua, sebenarnya ucapan daripada Yang Berhormat Kota Melaka ini bolehlah disifatkan seperti kata peribahasa Melayu yang halus, yang berbudi bahasa, kalau dapat saya katakan seperti kata pepatah bidalan Melayu iaitu lidah bercabang dan saya menafikan dengan sekeras-kerasnya. . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang Dipertua. . . . .

**Tuan Yahaya bin Haji Zakaria:** Pada masa. . . . .

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Minta duduk sebentar!

**Tuan Lim Kit Siang:** 36 (4) adalah salah pada Peraturan Mesyuarat bagi seseorang menggunakan bahasa biadab dan apabila Yang Berhormat menggunakan bahasa bahawa lidah bercabang, itulah satu bahasa biadab. Saya haraplah boleh buat satu ruling oleh kerana kalau ini boleh digunakan, kita pun di sini boleh gunakan bahasa ini.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** 36 (4) adalah salah pada Peraturan Mesyuarat bagi seseorang Ahli menggunakan bahasa biadab. Lidah bercabang ini, pada pendapat saya bukan bahasa biadab. Maksud orang lidah bercabang ini cakupnya di sana sekejap lain, sekejap sana lain. Begitu maksudnya. Saya anggap ini bukan bahasa biadab, cuma satu peribahasa dan saya minta Ahli Berhormat dari Bagan Datoh, sila teruskan.

**Tuan Yahaya bin Haji Zakaria:** Terima kasih, Tuan Yang Dipertua. Itulah sebabnya saya berharap setiap anggota-anggota Parlimen yang mewakili rakyat terutama sekali anggota-anggota Parlimen sebagai Ketua Pembangkang yang begitu berpengalaman sekali di dalam Dewan yang mulia ini mengkaji atau mempelajari, menghalusi Bahasa Kebangsaan yang sebenar-benarnya barulah faham apa yang diperkatakan oleh setiap Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang Dipertua, saya sekali lagi menafikan dengan sekeras-kerasnya pada masa yang telah lalu semenjak negara kita mencapai kemerdekaan, dari semenjak Kerajaan Perikatan sehinggalah pada hari ini iaitu Kerajaan Barisan Nasional yang telah memerintah dengan seadil-adilnya kepada keseluruhan rakyat dalam negara kita ini sepanjang masa Kerajaan melaksanakan dasar-dasar

pembangunan dari semenjak Rancangan Malaysia Pertama, Rancangan Malaysia Kedua, Ketiga dan sekarang ini dalam pembangunan Rancangan Malaysia Keempat di mana Kerajaan terpaksa mengambil tanah daripada tuan-tuan tanah untuk dijadikan projek-projek Kerajaan bagi tujuan untuk faedah rakyat di dalam negara kita ini yang tidak mengira kaum dan sebagainya, tidak pernah zalim dan tidak pernah kejam dan bukanlah ini kali yang pertama dipinda Undang-undang Pengambilan Tanah ini.

Tuan Yang Dipertua, saya suka menarik perhatian wakil dari Kota Melaka dan Dewan ini atas ucapan yang telah dipersembahkan oleh Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah semasa Yang Berhormat Menteri itu membentangkan Rang Undang-undang Pindaan 1983 ini yang berbunyi:

“Tuan Yang Dipertua, Akta Pengambilan Balik Tanah yang ada sekarang ini telah pun berkuatkuasa mulai tahun 1960. Dalam tempoh lebih kurang 23 tahun itu Kerajaan telah dapat membawa berbagai-bagai corak pembangunan ke segenap pelusuk tanahair dan hasil daripada pembangunan yang pesat ini kemudahan-kemudahan yang terdapat di kampung-kampung sekarang amatlah jauh berbeza dengan apa yang terdapat pada 20 tahun yang lalu.

Semenjak ianya dikuatkuasanya di dalam tahun 1960 Akta ini telah beberapa kali dipinda.”

Tuan Yang Dipertua, saya bacakan sekali lagi untuk didengarnya betul-betul.

“Semenjak ianya dikuatkuasakan dalam tahun 1960, Akta ini telah dipinda beberapa kali. Pindaan-pindaan yang lalu adalah dibuat atas beberapa perkara pentadbiran dan prosedur. Pada kali ini keseluruhan

Akta ini telah dikaji semula secara terperinci. Perkara-perkara dasar dan prinsip diberi perhatian yang khusus dengan tujuan untuk membolehkan tuan-tuan tanah yang terlibat mendapat keadilan yang lebih sempurna dari berbagai sudut.”

Jadi dengan ini, Tuan Yang Dipertua, dengan ucapan Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah itu sudah cukup untuk membuktikan bahawa di dalam melaksanakan pengambilan tanah oleh Kerajaan bagi tujuan pembangunan untuk faedah rakyat, kita tidak pernah melakukan sebarang kezaliman dan kekejaman terhadap sesiapa juga rakyat di dalam negara kita ini.

Dari apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri itu nyatalah bahawa Kementerian Kemajuan Tanah dan Kerajaan tidak pernah menjalankan sesuatu tindakan dengan sesuka hati ataupun dengan kita katakan dengan lain perkataan tidak pernah melakukan sesuatu yang tidak adil pada mereka yang terpaksa berkorban untuk memberikan tanahnya kepada Kerajaan bagi kemajuan negara kita yang sedang membangun ini. Tetapi apa yang selalu kita dengar ataupun yang selalu kita dapati ada di antaranya berlaku, ada di antara orang ramai ataupun rakyat itu sendiri setengah daripadanya yang mencero boh menduduki tanah-tanah Kerajaan ataupun duduk dengan secara haram dan kalau mengikut Undang-undang Kanun Tanah Negara pada mereka yang tinggal dengan secara haram itu Kerajaan ataupun pegawai-pegawai tanah boleh mengambil tindakan yang sesuka hati mengikut undang-undang dan peraturan, ertinya pegawai-pegawai tanah boleh menghalau begitu sahaja dengan serta-merta tanpa notis kepada mereka yang duduk di tanah-tanah haram ini.

Tetapi apa yang berlakunya, Tuan Yang Dipertua, pegawai-pegawai tanah dan Kerajaan kita bukan menghalau tetapi sebaliknya telah memberi layanan dengan memberi notis dan sebagainya bahkan ada di antaranya Kerajaan memberikan pula tanah kepada setinggan-setinggan umpamanya baru-baru ini sahaja berlaku di kawasan Hilir Perak iaitu di Telok Intan sendiri beberapa puluh orang rakyat telah menduduki tanah haram Kerajaan tetapi dengan usaha Menteri Besar Perak telah mengambil inisiatif memberikan kepada penduduk-penduduk atau setinggan di Telok Intan itu dengan memperuntukkan tapak-tapak lot tanah bagi kepentingan penduduk-penduduk yang secara haram menduduki tanah tersebut. Inilah yang berlaku kepada orang ramai yang kalau hendak menuduhkan Kerajaan kita mengambil ataupun membuat sesuatu yang zalim terhadap rakyat yang tidak ada bertanah.

Tuan Yang Dipertua, selain daripada itu ada juga saya mendengar Yang Berhormat Ketua Pembangkang Yang Berhormat dari Kota Melaka itu juga mengecam hebat Yang Berhormat dari Jasin yang mengatakan bahawa wakil dari Jasin ada menyebut mengenai pemegang-pemegang tanah oleh orang-orang asing di dalam negara ini dan perkara ini telah begitu memarahkan sekali oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka itu. Pada pendapat saya apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat dari Jasin itu ialah orang-orang asing yang masih memiliki tanah bukanlah dimaksudkan kepada orang-orang Tionghua atau orang-orang kaum Cina kita yang telah menjadi warganegara kita. Tetapi nampaknya wakil dari Kota Melaka begitu marah sekali sehingga menyebut apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat dari Jasin itu merupakan perpecahan kaum atas isu tanah ini. Saya rasa, Tuan Yang Dipertua, bukanlah

dimaksudkan kepada warganegara kita yang taat setia kepada negara ini tetapi ialah kita tahu sekarang ini pun masih ada lagi yang bukan warganegara yang memiliki tanah berpuluh-puluh ribu ekar di dalam negara kita ini yang mendapat layanan yang istimewa dan sebagainya, maka itulah yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat dari Jasin, bukanlah seperti Yang Berhormat dari Kota Melaka mengatakan beliau sebagai warganegara tempatan dan sebagainya, memang pada pendapat saya beliau tidak terlibat di atas ucapannya Yang Berhormat dari Jasin itu tetapi saya tidak faham dan saya tidak tahulah kalau Yang Berhormat dari Kota Melaka menganggap beliau bukannya warganegara negara ini.

Tuan Yang Dipertua, selain daripada itu sesuatu perkara yang sangat-sangat menggembirakan barangkali kepada seluruh rakyat di dalam negara ini di dalam pindaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri atas Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan) 1983 ini ialah dasar untuk tidak mengambil kira di atas tanah TSM atau Tanah Simpanan Melayu. Apabila dinilai oleh Kerajaan ianya akan sama dengan tanah-tanah lain oleh kerana pengambilan tanah oleh Kerajaan dan ini telah berjalan semenjak Kerajaan kita melancarkan pembangunan negara yang begitu pesat.

Saya rasa, saya bersetuju juga saranan ataupun menyokong kepada dua orang Ahli Yang Berhormat dari rakan saya yang pertama pada hari Yang Berhormat semalam daripada Parit yang keduanya baharu-baharu tadi Yang Berhormat dari Batu Pahat supaya Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah serta pegawai-pegawainya dan juga Kerajaan dapat memikirkan tentang kerugian tuan-tuanpunya Tanah Simpanan Melayu yang telah

diambil oleh Kerajaan tanah-tanah mereka itu dapatlah difikirkan semula kerugian mereka itu, dan cara mana Kerajaan dapat memberikan perhatian yang serius terhadap kerugian mereka itu bagi mereka tidak dikorbankan terus di atas barangkali sedikit kekurangan daripada apa yang telah berlaku pada masa yang telah lalu itu dapat kita tebus kembali dengan tujuan bahawa kita sentiasa memberikan perhatian di atas keadilan kepada keseluruhan rakyat terutama sekali orang-orang Melayu yang kita tahu agak miskin dengan kedudukannya di luar yang mana kadang-kadang tanah mereka itu sepertimana kata rakan-rakan saya yang lain bukanlah begitu luas tetapi oleh sebab tanah ini terpaksa termasuk dalam rancangan pembangunan Kerajaan untuk faedah rakyat mereka sedia patuh dan taat kepada Kerajaan dan sedia berkorban dan dikorbankan. Saya berharap setelah Akta Pindaan Undang-undang ini diluluskan Yang Berhormat Menteri dengan kakitangan Kementerian serta Kerajaan dapatlah memikirkan atas cadangan-cadangan yang kami suarakan di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang Dipertua, saya juga berharap dengan dasar Kerajaan menilaikan semula Tanah Simpanan Melayu ini saya berharap bukan sahaja Kerajaan tetapi semua badan-badan seperti bank-bank perdagangan dan sebagainya yang akan memberi layanan yang sama kepada nilai-nilai tanah Tanah Simpanan Melayu ini. Kita ambillah contoh umpamanya tanah yang ada di Kampung Bahru di dalam bandar Ibu Kota kita Kuala Lumpur ini. Apabila tuan-tuan tanah ini menjalankan usaha-usaha untuk membangunkan tanah ini sendiri bukan diambil oleh Kerajaan sama ada menceburkan diri dalam lapangan perusahaan, pembinaan rumah dan sebagainya ataupun ingin mencagarkan geran tanah mereka

kepada bank-bank dan sebagainya. Saya berharap dengan terlulusnya Akta yang kita kemukakan ini biarlah badan-badan berkanun, bank-bank dan sebagainya itu memberikan layanan yang sama terhadap nilai tanah TSM ini oleh kerana kedudukannya sepertimana yang saya contohkan tadi oleh kerana tanah di dalam Ibu Kota Kuala Lumpur ini sama mengapakah pula nilai tanah di Kampung Bahru itu berlainan pula nilainya dengan tanah yang hampir sama dengan kedudukannya.

Tuan Yang Dipertua, adalah diharapkan selain daripada itu dengan pengambilan Akta Pindaan Tanah 1983 ini akan lebih dapat memperkemas lagi pentadbiran tanah dan saya berharap Kementerian Tanah akan dapat menyelaraskan pelaksanaan Akta Pengambilan Tanah ini kepada Kerajaan-kerajaan Negeri yang kita tahu adalah berkuasa penuh di atas tanah-tanah Kerajaan di tiap-tiap negeri dan juga saya berharap Kementerian dapat mempengaruhi mana-mana badan-badan seperti bank dan sebagainya memberikan penilaian tanah yang sama terhadap tanah TSM dan tidaklah terhad kepada pengambilan tanah oleh Kerajaan semata-mata nilaiannya disamakan dengan tanah-tanah yang lain tetapi dalam semua aspek saya berharap TSM ini hendaklah sama dinilai dengan tanah-tanah yang lain.

Akhirnya, Tuan Yang Dipertua, saya ingin menarik perhatian kepada Kementerian Tanah dan juga semua Kementerian yang akan terlibat di dalam pengambilan tanah di masa yang akan datang supaya perkara pengambilan tanah ini oleh Kerajaan kepada tuan-tuan tanah dapatlah kiranya dibuat suatu pengambilan sebelumnya dilaksanakan teratur serta licin dengan kajian yang mendalam supaya tidak berlaku peristiwa-peristiwa pengambilan tanah oleh Kerajaan ini sehinggakan ada di

antaranya pada masa yang telah lalu tuan tanah telah membawa perkara pengambilan tanah oleh Kerajaan ini kepada Mahkamah, umpamanya sebagai satu contoh bermulanya Kerajaan merancang pengambilan tanah untuk didirikan tapak Rumah Sakit ataupun Hospital tetapi dalam perlaksanaannya tanah yang diperuntukkan oleh Kerajaan di atas pengambilan tanah itu untuk Hospital telah didirikan pula rancangan perumahan awam dan sebagainya. Maka tuan tanah itu telah membawa perkara itu ke mahkamah dan apabila dibicarakan didapati kerajaan kita telah didapati bersalah. Jadi saya rasa perkara-perkara seumpama ini dengan adanya kelulusan pindaan Akta Pengambilan Tanah, 1983 ini saya sungguh-sungguh berharap kemajuan dan kelicinan dari segi pentadbiran tanah terutama sekali dalam usaha-usaha kita hendak membangunkan negara ini akan berjalan dengan begitu licin dan lancar serta memberi faedah kepada keseluruhan rakyat. Sekianlah, maka dengan itu saya dengan sepenuhnya menyokong Akta Pengambilan Tanah (Pindaan), 1983 ini.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Ahli Yang Berhormat dari Mukah.

4.51 ptg.

**Dr Leo Michael Toyad (Mukah):** Tuan Yang Dipertua, saya ingin juga mengalu-alukan dan mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana telah membentangkan Rang Undang-undang yang dinamakan Suatu Akta untuk meminda Akta Pengambilan Tanah, 1960. Dan sebelum meneruskan ucapan saya, saya ingin mengatakan sokongan saya kepada Rang Undang-undang ini atas prinsip dan rasional di belakang pindaan ini.

Tuan Yang Dipertua, ini adalah satu lagi langkah yang diambil oleh Kerajaan kita ke arah mengemaskinikan undang-undang

yang sekarang sudah wujud. Pindaan ini adalah menjelaskan lagi keinginan Kerajaan membentuk Kerajaan yang cekap dan adil. Di masa sekarang berbagai masalah timbul apabila Kerajaan mengambil balik tanah untuk pembangunan dan kemajuan negara. Kerumitan dan masalah adanya dari segi pampasan kerugian tanah yang diwartakan dan ditinggalkan terbiar tanpa berita dan mengenai masalah pembayarannya ada juga yang terlewat kerana berbagai sebabnya.

Selain dari usaha Kerajaan membuat pindaan untuk Akta Pengambilan Tanah, saya mencadangkan bahawa kerjasama dan kordinasi di antara agensi-agensi pembangunan misalnya Jabatan Kerjaraya, Kesihatan, Lembaga Letrik dan lain-lain harus dipertinggi dan diperbaiki lebih lagi kerana walaupun Jabatan Hasil Tanah dapat menjalankan proses dengan licin kalau tidak kerana ada ketikanya agensi-agensi yang berkehendakkan tapak itu tidak berjalan serentak dengan Jabatan Tanah. Saya mencadangkan ini bahawa ada ketikanya di mana peruntukan untuk pampasan atau pembelian tanah itu belum diluluskan atau tidak mencukupi. Keadaan begini adalah satu faktor yang melewatkan rancangan pembangunan kita.

Pindaan ini adalah satu pindaan yang kemaskini dan baik. Tuan Yang Dipertua, dengan adanya masa yang diwajibkan untuk seluruh proses pengambilan tanah itu banyak masalah yang muncul dari kelewatan dapat dielakkan. Pelancaran rancangan ini akan lebih sistematik dan dapat dijalankan dengan licin. Apa-apa masalah dan kerumitan yang timbul dapat diberi perhatian dalam masa yang diwajibkan itu dengan sewajarnya.

Sebagaimana Yang Berhormat Menteri telah katakan ini akan melindungi tuan pemilik tanah itu dari

kerugian kerana tanggungan bayaran atau percabaran. Menjalankan kerja dalam sistem "time frame" ini apa-apa penyelewengan untuk melengah atau mencuai-cuaikan kerja dapat dikurangkan.

Tuan Yang Dipertua, oleh kerana banyak juga pembangunan didirikan di kawasan luar bandar, bertambah banyak tanah-tanah petani dan Tanah Simpanan Melayu dan juga tanah bumiputera (native land and customary rights land) digunakan untuk tujuan pembangunan supaya Kerajaan dapat menubuhkan keperluan asas di kawasan luar bandar. Pindaan ini dapat juga memberi faedah kepada petani-petani yang mencari tanah yang diisytiharkan di bawah seksyen 8 kerana mereka dapat hasil dari tanah itu sebelum Borang K itu dikeluarkan. Ini memberi peluang supaya petani atau tuannya tanah itu dapat menggunakan untuk hasil jangka pendek dan sementara sambil menunggu keputusan. Ini adalah baik kerana dalam ketika yang lalu ada tanah terbiar sahaja walaupun tanah itu hanya diisytiharkan untuk kegunaan pembangunan dan belum ada keputusan untuk meneruskan pengambilan tanah itu dibuat.

Tuan Yang Dipertua, Fasal 6 yang memberi kuasa kepada Pemungut Hasil Tanah itu untuk membuat apa-apa perkiraan dengan orang yang berkepentingan dengan cara penggantian pampasan wang sepenuhnya. Ini dapat memberi lebih luas lagi cara memberi pampasan kerana pampasan itu dapat disesuaikan dengan keadaan dan tempat—tidak payahlah saya menjelaskan keadaan dan tempatnya di sini.

Di sini saya ingin mencadangkan juga bahawa ini adalah satu cara untuk rancangan-rancangan penempatan yang baru dan di mana juga Kerajaan

dapat menggunakan sumber-sumber tanah yang ada dengan cara teratur dan lebih berkesan.

Merujuk kepada Fasal 18 saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah untuk menjelaskan adakah tanah customary land and native rights land Sarawak akan dipertimbangkan seperti Tanah Simpanan Melayu bila tanah-tanah tersebut itu diambil balik untuk pembangunan seperti klinik desa atau sekolah-sekolah di kawasan luar bandar. Saya ingin menyatakan bahawa rasional di belakang Fasal 18 itu adalah saya sokong sepenuhnya. Dari segi logik seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri keadaan yang kini dihadapi oleh pemilih tanah tersebut adalah kurang jelas dan ia adalah hanya satu konsep yang telah dibenamkan ke dalam jiwa kita semenjak zaman penjajahan. Dan saya bersetuju dan menyokong Yang Berhormat Menteri bahawa konsep-konsep seperti itu harus kita hapuskan dan dikuburkan. Dan dengan itu, Tuan Yang Dipertua, saya monyokong Rang Undang-undang Akta untuk meminda Akta Pengambilan Tanah, 1960.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

4.59 ptg.

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Pertamanya saya ingin menyentuh Rang Undang-undang ini terutama mengenai Fasal 18 yang di dalamnya ada satu peruntukan bahawa dalam mentaksirkan nilai pasaran mana-mana tanah dijadualkan fakta bahawa tanah tersebut adalah tanah rizab Melayu, atau pegangan Melayu di Terengganu atau tanah adat Negeri Sembilan atau Negeri Melaka tidak boleh diambil kira. Ini satu

pindaan yang wajar dan tepat walaupun lewat. Saya berpendapat bahawa orang-orang Melayu dengan rizab Melayunya tidak sepatutnya dibeza-bezakan dari segi nilai tanah. Dan saya harap apabila Rang Undang-undang ini menjadi Akta dan dikuatkuasakan, kaedah yang diperuntukkan ini boleh dilaksanakan dengan adil dan saksama.

Di sini saya hendak membangkitkan aduan-aduan yang saya terima apabila saya ada di Negeri Kelantan dan Terengganu bahawa ada pengambilan-pengambilan Tanah Simpanan Melayu di Kelantan terutamanya kononnya untuk pembangunan dan mengakibatkan kesusahan kerana setengahnya orang di situ adalah bersewa sepiring tidak tempat sepasang bertanam. Jadi sebelum Kerajaan mengambil tanah-tanah orang-orang khasnya di Negeri Kelantan saya berharap pihak Kerajaan bertimbang dengan seharusnya dengan teliti sama ada maksud atau tujuan itu betul, benar ataupun tepat. Saya bangkit hal ini kerana saya lahir daripada Negeri Kelantan dan kalau sanak saudara saya, kawan-kawan saya mengalami penderitaan maka saya sanggup membangkitkan hal ini di dalam Dewan yang mulia ini.

Satu perkara lagi yang saya hendak bangkitkan di sini iaitu di Kelantan dan Terengganu, pengambilan tanah oleh Kerajaan membangkitkan ketidakpuasan dan kekeciwaan kerana terdapat satu faktor di mana tanah di Kelantan dan Negeri Terengganu susah dijual-beli. Susah kerana hanya anak Kelantan dan anak Terengganu yang berhak membeli tanah ini. Orang-orang Melayu ataupun bukan Melayu di luar Negeri Kelantan tidak dapat membeli tanah itu. Dan tambah pula di dalam Negeri Kelantan sendiri kesusahan sama ada bagi orang-orang Melayu ataupun bukan Melayu untuk memindah hakmilik dan menjual

tanah. Dari segi pembangunan Negeri Kelantan dan Negeri Terengganu saya berharap pihak Kerajaan dapat menyeru dan mempertimbangkan sama ada dengan diubahkan keadaan kerana sekiranya orang-orang sama ada orang Melayu di luar Negeri Kelantan ataupun orang bukan Melayu yang bermaksud hendak menaburkan ataupun mengambil bahagian di dalam skim-skim pembangunan di Negeri Kelantan itu yang pertamanya mereka hendak tahu sama ada jual-beli tanah ini mudah ataupun tidak, kerana di dalam segala pembangunan kalau soal tanah itu tidak diselesaikan tidak akan ada orang yang hendak menampil ke hadapan untuk mengambil bahagian dalam pembangunan. Ini adalah satu perkara yang penting untuk pembangunan di negeri-negeri yang saya sebutkan tadi.

Sehingga pada akhir ini apabila saya pergi ke Negeri Kelantan, saya dijumpai oleh orang-orang di situ mengenai satu kejadian di Kok Lanas. Sebagai wakil rakyat yang menerima aduan dan dakwaan rasuah dan penyelewengan yang kononnya dilakukan oleh pihak MCA, satu dakwaan, dan sebagai satu wakil rakyat saya berharap pihak Badan Pencegah Rasuah dapat menyiasat akan kebenaran hal ini. Kerana ada setengah orang bukan Melayu di Kelantan memberitahu saya ada sebidang tanah 42 ekar di Kok Lanas, Kok Lanas—ialah 15 batu daripada Kota Bharu.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Yang Berhormat ini Wakil dari Kok Lanaskah atau Kepong?

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang Dipertua, saya daripada Kepong, tetapi di Dewan yang mulia ini saya pernah mengangkat Sumpah, bahawa saya sanggup mempertahankan Tanah Persekutuan termasuk Negeri Kelantan.

Tuan Yang Dipertua, di Kok Lanas ini terdapat 42 ekar ladang getah, tanah pertanian dan pada akhirnya saya diberitahu ditukar menjadi tanah perumahan. Pada mulanya harga hanya \$420,000 sahaja. Sekarang melambung ke lebih daripada \$12 juta dan inilah berlakunya satu kucar-kacir orang-orang di Kelantan kerana hal ini. Sebab itu saya berharap Badan Pencegah Rasuah dapat membuat satu penyiasatan sama ada berlakunya rasuah ataupun penyelewengan.

Tuan Yang Dipertua, di dalam usaha pengambilan tanah oleh Kerajaan di tempat-tempat di mana letaknya rumah-rumah setinggan, saya hendak bangkitkan satu, dua contoh. Yang pertama, pada tahun 1976 di Kampung Cempaka, Sungei Way, Daerah Petaling. Ini di Negeri Selangor Tuan Yang Dipertua, bukan di Kelantan lagi. Di Kampung Cempaka, yang tersebut terdapat kira-kira 300 rumah setinggan. Dan pada tahun 1976, apabila pihak Kerajaan hendak melaksanakan projek di sebahagian tanah di mana letaknya rumah-rumah setinggan ini, pihak Kerajaan sudah memberitahu pada kira-kira 300 setinggan ini untuk membuat permohonan mendapat tapak rumah di tempat-tempat kosong yang tidak dimiliki orang di sekitar Kampung Cempaka. Tetapi pada akhirnya walaupun 300 setinggan ini membuat permohonan, tidak ada satu orang pun mendapat tanah. Walhal di situ terdapat kononnya satu sindiket yang menjual tanah di mana ada permohonan daripada setinggan-setinggan itu dengan satu tapaknya \$260,000 untuk tiga tapak di situ dan satu dakwaan daripada setinggan ini ialah berlakunya rasuah dan penyelewengan, jadi malulah. Saya berharap juga pihak Badan Pencegah Rasuah dapat membuat penyiasatan ke atas dakwaan ini.

Ada satu lagi contoh iaitu pengambilan tanah oleh Kerajaan Tempatan, Dewan Bandaraya untuk

tanah kerajaan di mana letaknya kira-kira 500 rumah setinggan iaitu di Kampung H. S. Lee di Sentul di kawasan Kepong. Saya berharap sebelum Kerajaan melaksanakan Projek Bandar Baru Sentul, semua setinggan-setinggan mestilah diberi alternatif-alternatif yang wajar sebelum mereka dipaksa pindah dan sebelum pembersihan setinggan-setinggan itu dilaksanakan.

Tuan Yang Dipertua, ada satu perkara lagi yang dibangkitkan oleh setengah Ahli Yang Berhormat di sini berkenaan dengan istilah "bangsa asing" yang mulanya dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jasin. Wajar bagi Ahli Yang Berhormat dari Jasin membuat satu definisi atau satu pengiktirafan istilah "bangsa asing". Kalau dimaksudkan untuk orang-orang keturunan bukan Melayu yang jadi warganegara di Malaysia ini, ini tidak wajar. Saya sebagai orang Malaysia membantah dengan sekeras-kerasnya. Kalau dimaksudkan untuk orang-orang yang bukan warganegara negara ini maka patutlah beliau menyatakan demikian. Kalau begitu tidak akan wujudlah perselisihan di antara Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini.

Satu perkara lagi iaitu Orang Asli. Saya nampak tidak ada tanah simpanan semata-mata untuk Orang-orang Asli yang merupakan "Maha-Bumiputera". Kampung-kampung Orang Asli kadangkala diambil oleh pihak-pihak yang tertentu kerana di bawah tanah itu mengandungi bijih timah ataupun dipercayai mengandungi emas dan mereka dipindahkan ke kawasan yang lain. Saya berharap amalan ini. . . . .

**Tuan Khadri bin Sabran:** *(Bangun).*

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Yang Berhormat, minta duduk! *(Kepada Tuan Khadri bin Sabran)* Sebut Peraturan Mesyuarat yang ke berapa?

**Tuan Khadri bin Sabran:** Minta jalan.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Boleh beri jalan, Yang Berhormat?

**Dr Tan Seng Giaw:** Boleh.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Sila.

**Tuan Khadri bin Sabran:** Tuan Yang Dipertua, saya minta Wakil dari Kepong supaya menarik balik statement yang menyatakan bahawa Orang-orang Asli tidak ada direservekan satu kawasan bagi mereka kerana apa yang saya tahu tiap-tiap perkampungan Orang Asli ada reserve-reserve tanah yang tidak boleh langsung diganggu gugat oleh sesiapa pun. Kalau tidak percaya mari datang ke kawasan saya, ada 6-7 perkampungan Orang Asli di mana Kerajaan menyediakan reserve-reserve tanah yang tidak boleh diganggu-gugat oleh sesiapa pun.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang Dipertua, nampaknya Ahli Yang Berhormat kecek bagi bunyi merendang kacang (*Ketawa*).

Ada setengah yang mendapat tanah kononnya tanah simpanan tetapi ada pula yang mengalami kesusahan kerana di bawah tanah itu dianggap mempunyai bijih timah ataupun logam yang berharga yang lain dan disuruh pindah ke kawasan yang lain. Saya berpendapat walaupun tanah di bawah itu mempunyai bijih timah atau emas ataupun apa logam sahaja mereka tidak seharusnya dipindahkan atas sebab-sebab apa sahaja. Itulah maksud saya. Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat tidak akan kecek-kecek seperti yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang Dipertua, dari segi pelaksanaan projek-projek Kerajaan apabila mengambil tanah daripada sama ada swasta ataupun pihak yang lain walaupun pada dasarnya pihak Kerajaan hendak melaksanakan dengan adil, hendak melaksanakan

dengan betul, kadangkala boleh timbul penyelewengan dan ada pulak dakwaan bahawa rasuah berlaku dan ini boleh disebutkan sebagai kebenaran di hujung lidah.

Akhirnya saya berharap sistem kawalan Kerajaan hendaklah diperketatkan apabila pengambilan tanah untuk projek-projek pembangunan diadakan supaya tidak timbul soal rasuah ataupun penyelewengan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Ahli Yang Berhormat dari Larut.

*5.18 ptg.*

**Dato' Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa (Larut):** Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang Dipertua, pertama sekali saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pengambilan Tanah, 1960 yang mana Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pengambilan Tanah (Pindaan), 1983.

Pertama sekali saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah yang telah dapat membentangkan satu Rang Undang-undang yang begitu lengkap meliputi usaha-usaha pengambilan tanah di seluruh negara kita. Ini bukan sahaja disambut baik oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini tetapi adalah disambut baik oleh seluruh rakyat di negara kita, terutama sekali pindaan-pindaan yang dimasukkan dari segi penilaian mengenai pengambilan Tanah Simpanan Melayu atau TSM. Semua Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini telah menyentuh perkara ini dan saya juga menyokong semua syor-syor yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini, oleh sahabat-sahabat saya yang telah bercakap terdahulu dari saya khasnya

Ahli-ahli dari Barisan Nasional, saya adalah menyokong syor-syor dan cadangan-cadangan tersebut.

Hanya saya bangun di sini, Tuan Yang Dipertua, untuk memberi gambaran yang agak jelas sedikit atas tuduhan dari Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang pada hari semalam menuduh begitu hebat kepada Yang Berhormat dari Jasin yang kebetulan Wakil itu duduk di hadapan saya. Pihak Yang Berhormat dari Kota Melaka yang membuat definasi yang salah dan termasuk juga sahabatnya dari Kepong yang berucap tadi masih samar-samar mengenai ucapan daripada Yang Berhormat dari Jasin.

Pada hemat saya barangkali kita boleh tengok *Penyata Rasmi* yang keluar nanti bahawa Yang Berhormat dari Jasin menegaskan bangsa asing ini samalah seperti yang disebutkan pelabur asing iaitu orang-orang yang bukan rakyat negara ini. Faham saya begitu. Kerana dia meminta supaya Kerajaan memberi perhatian dalam masalah ini kerana negara-negara di Asia seperti Filipina dan Indonesia juga memberi perhatian dalam masalah adanya orang-orang asing datang untuk membuka tanah-tanah di negara-negara tersebut.

Apa yang saya rasa kesal Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu bangun menyerang begitu hebat selepas Ahli Yang Berhormat dari Jasin bercakap dan kebetulan masa itu wakil dari Jasin tidak ada dalam Dewan ini. Kalau sekiranya dia kurang faham pada masa ucapan itu dibuat bolehlah minta jalan, ataupun minta penjelasan supaya perkara-perkara ini tidak menjadi perkara yang sensitive issue yang ditimbulkan. Kalau salah quote daripada akhbar-akhbar maka ini akan salah tanggapan atau salah ambilan dari rakyat seluruh negara kita. Kita hendak melahirkan satu bangsa Malaysia yang berpadu. Kita hendak mengelakkan sensitive

issue dan kita hendak melahirkan benar-benar konsep Rukunegara bagi melahirkan rasa perpaduan dan muhibbah yang kukuh. Kalau pemimpin-pemimpin parti politik biasa memainkan isu-isu seperti ini dalam ucapan-ucapan mengapi-apikan bagi tujuan politik maka kita khuatir segala usaha perpaduan perhatian yang telah kita jalankan bertahun-tahun itu akan menjadi kabur dan akan menerima keadaan gejala-gejala yang buruk.

Begitu juga Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu bukan sahaja memberi gambaran yang salah mengenai ucapan dari Ahli Yang Berhormat dari Jasin tetapi menimbulkan isu-isu yang beliau sendiri tidak begitu jelas masalah Rengit di Batu Pahat. Walaupun perkara ini telah dapat dijelaskan oleh Yang Berhormat dari Batu Pahat. Tetapi sebagai seorang ahli yang pandai bercakap dia cuba juga menghentam Kerajaan di mana yang boleh. Adilkan perbuatan ini? Bijakkah pemimpin politik berbuat begitu dengan tidak memikirkan bahawa ucapannya itu telah menimbulkan perkara-perkara yang mengguris perasaan atau menimbulkan perkara-perkara yang boleh mencetuskan keburukan kepada rakyat negara kita. Lidah manusia kata pepatah lebih tajam dari mata pedang.

Jadi, hubaya-hubaya perlulah kita mengambil ingatan supaya perkara yang seperti ini tidak kita bawa ke Dewan yang mulia ini bagi mengelirukan rakyat jelata kita sekalian atau orang ramai sekalian bahawa kita adalah sama-sama bangsa Malaysia bukannya orang asing. Orang asing, pelabur asing yang disebutkan itu ialah orang luar atau yang datang dari luar.

Tuan Yang Dipertua, saya suka juga mengesyorkan kepada Kementerian Tanah mengenai masalah-masalah

yang timbul seperti yang berlaku di Rengit itu banyak berlaku di tempat-tempat lain di negara kita, iaitu orang-orang yang meneroka tanah-tanah yang kosong di dalam bandar dengan tidak mempedulikan peraturan dan undang-undang. Moleklah dengan terlaksananya undang-undang (Pindaan) ini supaya perkara seperti itu tidak banyak lagi berlaku iaitu mendirikan rumah, kedai, gerai dan sebagainya di tanah-tanah Kerajaan dengan sewenang-wenangnya dan akhirnya berkeras dan berdegil tidak mahu keluar dan menimbulkan kesulitan-kesulitan. Ini ada banyak berlaku di bandar di negara ini sekarang, yang mana akhirnya tanah yang berkenaan dipohon oleh pemohon kemudian diluluskan dan pihak yang menduduki atau meneroka secara haram masih berdegil dan tidak mahu keluar dari tanah tersebut.

Selain daripada itu mungkin peraturan perlu dibuat mengenai adanya keadaan yang sewenang-nya orang-orang mendirikan kuil-kuil ataupun tok pekong-tok pekong di tempat yang strategik di bandar-bandar. Moleklah perkara ini dapat dahulu tanah yang berkenaan sesuai supaya perancangan bandar tersusun seluruhnya dapat diatur dengan baik dan sesuai. Kedapatan, Tuan Yang Dipertua, kalau kita berjalan di sana-sini di dalam bandar-bandar atau di tepi-tepi jalan di dalam negara kita, dengan tidak ada rancangan yang teratur. Jadi saya syorkan supaya di bawah peraturan undang-undang ini boleh diperketatkan dari segi pihak membangun kuil, tokong-tokong atau rumah sembahsan yang lazim dibangunkan. Perkara ini molek dibawa kepada Jawatankuasa Tindakan Daerah supaya dapat diadakan penentuan bagi menentukan penyelarasan susunan perancangan bandar, perkampungan dan lain-lain penyesuaian.

Selain daripada itu, Tuan Yang Dipertua, saya juga menyokong

seperti Ahli-ahli Yang Berhormat yang terdahulu daripada saya bahawa usaha pengambilan tanah dan menyelesaikan masalah-masalah tanah di peringkat negeri ialah bergantung kepada pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan. Kakitangan-kakitangan di Bahagian Pejabat Tanah ini adalah berkurangan. Walaupun begitu patut kita beri pujian dalam usaha-usaha rancangan pembangunan dapat dijalankan dengan baik dan teratur di bawah usaha rancangan pembangunan kita dari Rancangan Malaysia Pertama, Kedua, Ketiga dan seterusnya tetapi kita difahamkan bahawa kakitangan-kakitangan di Pejabat Tanah kita adalah amat berkurangan. Jadi saya meminta khasnya bagi Negeri Perak supaya diperkenankan permohonan-permohonan tambahan kepada kakitangan dan pegawai-pegawai bahagian tanah ini bagi membantu usaha mempercepatkan perancangan-perancangan seperti kampung tersusun, yang sedang dijayakan oleh Kerajaan Negeri Perak sekarang bagi mempercepatkan rakyat kita mendapat tapak-tapak tanah perumahan yang boleh mendirikan rumah sendiri dalam perancangan kampung tersusun tersebut, selain daripada rancangan perumahan yang diaturkan oleh Kerajaan, perbadanan atau pihak swasta.

Selain daripada rancangan perumahan yang diaturkan oleh Kerajaan, Perbadanan ataupun pihak swasta, maka sekiranya rancangan-rancangan perkampungan tersusun anjuran Kerajaan ini dapat dipercepatkan, maka masalah kesulitan tapak tanah bagi pembangunan perumahan dapat diatasi dan diselesaikan dengan lebih cepat lagi.

Akhirnya, Tuan Yang Dipertua, saya tidak mengambil peluang berucap panjang, hanya sekali lagi saya mengucapkan setinggi tahniah dan terima kasih kepada pegawai-pegawai

Jabatan Tanah di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah daripada peringkat daerah dan sehinggalah peringkat negeri dan seterusnya ke Kementerian terutama sekali pegawai-pegawai yang dapat bersepadu dengan pegawai-pegawai di Kementerian-kementerian yang lain dalam usaha-usaha pengambilan tanah ini. Maka dengan perpaduan yang ada di bawah Jawatankuasa-jawatankuasa Peringkat Daerah dan Negeri banyak masalah-masalah yang sulit dan rumit seperti yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat pada hari semalam telah dapat diatasi. Mudah-mudahan di bawah Akta Pengambilan Tanah yang baru ini semangat bersepadu seperti itu dapat kita teruskan lagi dan dapat memahami hakikat yang sebenar kepada rakyat kita dan dapat berunding bagi menyelesaikan masalah-masalah yang timbul dari semasa ke semasa. Maka dengan persepaduan atau bersepadu seperti itu usaha-usaha yang mulia dapat kita jayakan, seperti kata dalam syair Buku Merah pada masa mula kita menjalankan rancangan pembangunan awal dahulu yang berbunyi:

“Gunung tinggi sama didaki;  
Lautan dalam sama direnang;  
Marilah kita bersatu hati;  
Perkara yang susah menjadi senang.”

Ini syair zaman Allahyarham Tun Abdul Razak lagi, mungkin dapat kita jadikan sebagai panduan dan pedoman kita dalam usaha membangun dan melancarkan gerakan-gerakan bagi kepentingan rakyat dan negara kita.

Sekian, Tuan Yang Dipertua, saya sekali lagi menyokong dengan penuhnya Akta ini dan mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Yang Berhormat dari Parit Buntar.

5.33 *ptg.*

**Tuan Abdul Rahman bin Suliman (Parit Buntar):** Tuan Yang Dipertua, saya sama turut bangun menyokong suatu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pengambilan Tanah 1960, iaitu Rang Undang Pengambilan Tanah (Pindaan), 1983.

Tuan Yang Dipertua, saya menyokong penuh pindaan ini kerana dengan pindaan ini membuktikan Kerajaan memang benar-benar berhasrat ingin melaksanakan keadilan kepada semua pihak supaya rakyat menerima pembangunan secara yang dirancangan, secara yang akan diterima oleh mereka dengan penuh rasa keadilan dan kesanggupan untuk menerima pembangunan-pembangunan itu. Sesungguhnya pindaan-pindaan ini memanglah selaras dengan Perkara 13 (2) Perlembagaan Persekutuan yang berbunyi:

“13. (2) Tiada sesuatu undang-undang pun boleh membuat peruntukan bagi mengambil atau menggunakan harta-harta dengan paksa dengan tiada pampasan yang mencukupi.”

Bagi saya pindaan yang dibuat ini mengandungi dua aspek yang penting iaitu dari segi penilaian dan nilai tanah dan proses pengurusan yang lebih konkrit dan ditentukan waktu ataupun tempohnya, maka dengan yang demikian pindaan-pindaan ini juga bolehlah saya anggap merupakan sebagai satu lambaran baru kepada undang-undang tanah negara kita.

Huraian 15 berbunyi:

“15. Fasal 20 bertujuan meminda perenggan (d) seksyen 3 Jadual Pertama bagi membuat peruntukan bahawa pada menentukan amaun pampasan yang akan diawardkan susutnilai harga tanah yang diambil yang mungkin akan berlaku dari

tujuan tanah itu akan digunakan selepas pengambilan hendaklah diketepikan. Ia juga bertujuan membuat peruntukan lanjut dalam perenggan (f) bahawa jika tanah yang hendak diambil itu ialah tanah pertanian, belanja yang ditanggung selepas tarikh pengisytiharan di bawah seksyen 8 disiarkan kerana meneruskan bercucuk tanam atasnya boleh diberi pertimbangan pada menentukan amaun pampasan itu."

Saya rasa hasrat pindaan ini memanglah baik, tetapi saya ingin menarik perhatian kepada Yang Berhormat Menteri supaya kalau boleh sewaktu penilaian dibuat bukan sahaja dipertimbangkan kerana meneruskan bercucuk tanam di atas tanah-tanah yang ingin diambil, tetapi pihak Kementerian haruslah memikirkan juga sumber-sumber lain, sumber-sumber pendapatan kepada petani-petani tersebut ketika tanah-tanah tersebut hendak diambil oleh pihak Kerajaan, terutama khasnya bagi kawasan-kawasan jelapang padi, petani-petani bukanlah hanya bergantung kepada hasil padi, tetapi mereka juga bergantung besar kepada sumber-sumber yang lain umpamanya sumber-sumber tanaman sampingan seperti tanaman mempelam, tanaman kelapa dan juga kolam-kolam kecil yang dibina di dalam kawasan-kawasan sawah padi di mana mereka boleh mendapat pendapatan daripada hasil ikan air tawar. Jadi, saya rasa dengan pengambilan oleh pihak Kerajaan bukan sahaja sumber pendapatan daripada padi yang akan melibatkan petani-petani tersebut, petani-petani tersebut juga akan kekurangan dari segi pendapatan sumber-sumber lain yang mana terkadang-kadang pada setengah-setengah kawasan sumber-sumber sampingan ini adalah melebihi daripada sumber-sumber padi ataupun pertanian padi.

Tuan Yang Dipertua, bagi kawasan saya khasnya dan saya rasa kawasan-kawasan lain juga yang terlibat di dalam projek-projek raksaksa terdapat banyak masalah-masalah dari segi pelaksanaan sewaktu pengambilan dilaksanakan.

Saya ingin menarik perhatian khasnya kepada pihak Kerajaan yang apabila ingin mengambil tanah-tanah bagi kawasan-kawasan untuk dimajukan dengan projek-projek yang memang kita tahu boleh mendatangkan faedah daripada segi jangka panjang, tetapi kita mestilah juga memberi perhatian kepada perkara-perkara tertentu umpamanya apabila di dalam sesuatu pengambilan melibatkan tempat tinggal penduduk yakni rumah, petani-petani ataupun penduduk-penduduk ataupun tempat tinggal bagi mereka yang terlibat dengan pengambilan ini, maka kita hendaklah juga menimbangkan ataupun menilaikan rumah tersebut bukanlah berdasarkan kepada harga semasa, kerana kalaulah kita lihat sesuatu rumah dibina 20 tahun yang lalu dengan harga katalah \$5,000 sudah tentulah sekarang ini keadaan rumah itu ada yang rosak, maknanya dari segi nilainya sudah tentulah rendah, tetapi dengan pengambilan tanah mereka yang terlibat rumahnya ini, apabila mereka berpindah ke kawasan lain, maka mereka tidaklah akan dapat membina rumah sepertimana yang mereka duduki sekarang, kerana di dalam masa mereka ingin membuat rumah yang baru perbelanjaan-perbelanjaan tambahan akan terpaksa ditanggung oleh mereka.

Umpamanya perbelanjaan memindahkan rumah sudah tentulah diperlukan, perbelanjaan menambak kawasan baru, khasnya kalau kawasan sawah padi, kalau pindah, sudah tentu kena buat tambak yang baru. Ini juga membebankan kepada mereka yang terlibat di dalam pengambilan tanah. Pendawaian elektrik, memasukkan

semula paip, kerja-kerja membina semula juga akan ditanggung oleh pihak yang terlibat.

Jadi saya berharaplah supaya pihak Kerajaan yang ingin mengambil dan apabila menilai rumah-rumah yang terlibat di dalam projek-projek itu janganlah hanya melihat dari segi keadaan rumah itu (condition of the building) sahaja, mesti juga melihat dari aspek-aspek yang akan ditanggung oleh pihak-pihak di mana tanah mereka itu akan diambil oleh Kerajaan.

Lagi satu perkara, Tuan Yang Dipertua, saya inginlah menarik perhatian, ini bukan tanah haram, ini lesen TOL bagi penduduk-penduduk yang terlibat dengan TOL, tak sama dengan kejadian di Rengit. TOL ini kalaulah 1-2 tahun itu tidaklah begitu menimbulkan masalah, tetapi bagi mereka yang telah menduduki di atas tanah TOL ada yang 20 tahun atau 30 tahun yang lepas tetapi oleh kerana sebab-sebab yang tertentu mereka tidak dapat geran dan sekarang pihak Kerajaan ingin mengambil tanah-tanah tersebut dan Kerajaan pula berkata ini hanyalah lesen tumpangan. Saya rasa dari segi ini Kerajaan hendaklah lebih liberal sedikit dan hendaklah juga memberi pertimbangan kerana kadang-kadang kalau 20 tahun, 30 tahun rumah itu pun sudah elok, ada rumah yang dibuat daripada batu yang harganya agak mahal, jadi janganlah pula oleh kerana mereka duduk di atas tanah TOL ini pampasan itu tidak diberi pertimbangan dengan sewajarnya.

Saya berharap supaya pihak Kerajaan dapat apabila menimbang masalah mengambil tanah-tanah TOL dan melupuskan tanah-tanah TOL ini hendaklah juga mempertimbangkan kesan-kesan kepada mereka yang telah duduk begitu lama di atas tanah tersebut dan memberi nilai yang sewajarnya. Saya nyatakan keadaan ini disebabkan

ada peristiwa-peristiwa yang berlaku, khususnya di kawasan saya apabila pihak Kerajaan mengambil tanah untuk tujuan Projek Krian-Sungai Manik ada satu dasar yang dipakai oleh Jawatankuasa Pemandu bagi projek ini di mana kalau penduduk-penduduk yang terlibat di atas tanah ini dan Kerajaan ingin mengambil alih tanah ini, Kerajaan hanya akan membayar tidak lebih daripada \$1,000. Ini saya rasa tidaklah begitu sesuai. Kalau \$1,000 saya ingat hendak beli enam batang tiang pun sudah dekat hendak \$1,000 sekarang ini. Jadi saya harap supaya dasar-dasar yang tidak begitu tepat, tidak begitu baik ini dapat diberi perhatian oleh pihak Yang Berhormat Menteri agar diberi pertimbangan sewajarnya kerana maklum sahajalah penduduk-penduduk luar bandar, penduduk-penduduk di kawasan pertanian, khususnya kawasan sawah padi sudah tentulah tidak akan dapat membina rumah mereka semula sepertimana rumah yang telah mereka duduki dan ini boleh menimbulkan banyak masalah sosial, masalah tempatan yang sukar diselesaikan, bukan sahaja oleh Wakil Rakyat tetapi juga oleh Jabatan-jabatan Kerajaan sendiri.

Tuan Yang Dipertua, memanglah pembangunan ini bukan sahaja memberi kebaikan kepada generasi sekarang, tetapi tujuannya adalah untuk pembangunan dan kemajuan generasi-generasi yang akan datang. Tetapi saya rasa satu perancangan yang teliti apabila hendak dibuat sesuatu projek itu khasnya dari sudut bab pengambilan tanah ini hendaklah diselaraskan oleh semua Jabatan yang terlibat kerana kadangkala kita perhatikan kedapatan di mana tanah-tanah itulah sahaja yang diambil oleh berbagai-bagai Jabatan: LLNlah ambil tanah itu, JPTlah ambil tanah itu hendak buat quarters pertanian tanah itu. Jadi saya rasa ini boleh menimbulkan rasa kecewa kepada walaupun golongan yang kecil, tetapi

sebagai untuk melakukan keadilan kepada mereka, saya rasa patutlah dipertimbangkan perkara ini agar perkara-perkara seperti ini dapat dielakkan supaya tidaklah seorang dua sahaja yang terlibat dengan itu, tanah dia berkali-kali diambil oleh pihak Kerajaan. Kalau dapat, biarlah penyelarasan yang teliti dari sudut perancangan projek-projek di sesuatu kawasan itu dibuat oleh pihak-pihak Kerajaan agar pengambilan tanah ini sama adil dan sama rata, bukan sahaja ditumpukan kepada seseorang ataupun sesuatu golongan sahaja.

Tuan Yang Dipertua, saya rasa patut juga dengan pindaan-pindaan ini dipertimbangkan di mana kita memang sedar mengikut Kanun Tanah Negara bahawa tanah-tanah pertanian itu tidaklah boleh dipecahkan, dikurangkan lebih daripada 1 ekar, tetapi kadangkala di dalam tanah yang luasnya 1 ekar ataupun kurang ini syernya ramai dan mereka telah pun menentukan bahawa kawasan-kawasan tertentu dimiliki oleh penama-penama tertentu, tetapi apabila pengambilan balik tanah ini ataupun pampasan ini dibayar, maka dibayar keseluruhan mereka sekali di mana semua nama yang berada di atas geran tanah itu akan dibayar.

Saya rasa keadaan seperti ini bukan sahaja boleh menjejaskan harmoni mereka yang membeli tanah ataupun yang mempunyai hak ke atas kawasan yang diambil itu, tetapi ini seperti kata orang: sudah jatuh ditimpa tangga, sudahlah tanahnya diambil tetapi syer yang sepatutnya dibayar kepada dirinya sahaja terpaksa dibahagi-bahagikan pula kepada nama-nama yang berada di atas tanah itu. Saya rasa patutlah satu dasar ataupun sekurang-kurangnya satu peraturan diadakan mengenai masalah ini.

Tuan Yang Dipertua, saya difahamkan dan mengikut seksyen 29, Akta Pengambilan Tanah ini di mana masalah mendepositkan pembayaran

pampasan ini hendaklah ditempatkan di mahkamah dan mengikut interpretasi "mahkamah" di dalam ini ialah "Mahkamah Tinggi", jadi maknanya kalau satu sen pun ataupun \$50, maka deposit ini akan ditempatkan di Mahkamah Tinggi. Saya rasa keadaan ini kurangnya praktikal dan kurang munasabah. Kita sedar bahawa di dalam negara kita ini Mahkamah Majistret, Pejabat Tanah sudah terdapat di tiap-tiap daerah, jadi saya rasa patutlah pihak Kementerian mengadakan satu peraturan supaya kalau umpamanya \$3,000 ataupun \$4,000 ke bawah boleh didepositkan di Mahkamah Majistret ataupun Pejabat Tanah kerana kalau dengan \$50 ataupun \$100 terpaksa mereka yang terlibat ini turun berbatu-batu.

Umpamanya saya selalu contohkan kawasan saya, dari Parit Buntar hendak pergi ke Ipoh kalaulah wang ini hanya \$50 ataupun \$100, tambang teksi pergi balik sudah \$50, perbelanjaan makan-minum sudah habis \$20-\$30. Jadi dengan \$20 terpaksa meninggalkan kerja dan sebagainya kerana terpaksa pergi ke Mahkamah Tinggi, Ipoh, ini adalah satu perkara yang kurang munasabah dan sebelum hendak pergi ambil itu kena buat affidavit, petition-writer pula hendak \$20, jadi lama-lama mereka yang terlibat apa pun tidak dapat.

Saya rasa patutlah satu peraturan mengenai perkara ini dibuat dan satu jumlah amaun yang kurang patutlah ditempatkan di Mahkamah Majistret ataupun di Pejabat PHT di satu-satu daerah.

Akhirnya, perera 64 iaitu halangan-halangan daripada pihak-pihak yang tertentu apabila pihak Kerajaan ingin mengambil sesuatu kawasan, saya rasa perkara ini pada pendapat saya dari segi hukumannya agak begitu rendah, kerana \$200 hukumannya dan

hukuman tidak lebih dari satu bulan, saya rasa ini boleh dipermainkan-mainkan oleh pihak-pihak terutamanya yang selalu suka bermuka-muka menunjukkan kekerasan kepada mereka kerana \$200 pada mereka itu tidaklah begitu banyak. Jadi, saya rasa patutlah kita adakan satu peraturan mungkin kita berdasarkan kepada jumlah harga/nilai pampasan kepada tanah yang hendak diambil jika dihalang oleh pihak-pihak yang berkenaan hukumannya sebanyak itu umpamanya ataupun panduan-panduan yang lain. Pendeknya saya berpendapat patutlah dikaji mengenai hukuman ini dan pada pandangan saya hukuman ini agak ringan dan patut dipertimbangkan supaya diberatkan lagi agar tidak dipermainkan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Tuan Yang Dipertua, akhir sekali saya bersetuju dengan Yang Berhormat dari Larut tadi yang menyatakan bahawa segala-galanya mengenai tanah ini adalah bergantung khasnya kepada pelaksana-pelaksana, yakni pegawai-pegawai daripada Pejabat-pejabat Tanah dan kalau perlu dipertingkatkan lagi Pejabat-pejabat Tanah yang kurang dari segi kakitangannya maka perlulah ditambahkan. Saya rasa dalam semua pembangunan Pejabat Tanah ini hendaklah diberi keutamaan kerana semua pembangunan adalah melibatkan tanah. Jadi, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang telah membuka satu lembaran baru dari segi Undang-undang Tanah Negara kita. Sekian, terima kasih.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Ahli Yang Berhormat dari Matang.

5.53 ptg.

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid (Matang):** Bismillah-hirahman-nirahim. Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang

kepada saya untuk membahas serta menyokong satu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pengambilan Tanah 1960 yang bolehlah dinamakan Akta Pengambilan Tanah (Pindaan) 1983 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kemajuan dan Kemajuan Wilayah.

Saya mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dengan sikap berani dan jujur serta di atas sikap kesedaran dan keinsafan beliau dalam masalah-masalah pengambilan tanah, khasnya di sini saya menekankan dalam masalah pengambilan Tanah-tanah Simpanan Melayu (Malay Reservation) yang mana ketika ini Tanah-tanah Simpanan Melayu seolah-olah didiskriminasikan iaitu disegi nilai harganya terlalu rendah dan dianggap tidak sofistikated jika dibandingkan dengan tanah-tanah bukan Simpanan Melayu di negara ini. Walhal setengah-setengah daripada Tanah-tanah Simpanan Melayu ini di segi kedudukannya amatlah strategik jika dibandingkan dengan setengah-setengah tanah yang bukan Simpanan Melayu.

Tuan Yang Dipertua, di sini ingin saya menyarankan bahawa terdapat banyak daripada Tanah-tanah Simpanan Melayu yang diambil oleh pihak Kerajaan sama ada dalam masa zaman merdeka ataupun sebelum merdeka yang mana untuk dijadikan projek-projek Kerajaan atau kampung-kampung baru (the new villages), dengan izin, Tuan Yang Dipertua, tidak digantikan balik oleh pihak Kerajaan sama ada Kerajaan zaman merdeka ataupun Kerajaan sebelum merdeka di bawah penjajahan British.

Misalnya saya beri satu contoh tanah perkampungan kampung baru iaitu dalam kawasan saya di Changkat Jering di dalam Negeri Perak yang

mana tanah ini iaitu Tanah Simpanan Melayu seluas lebih kurang 10 ekar yang telah dijadikan kawasan perkampungan baru untuk orang-orang Cina. Tanah ini dijadikan kampung baru semasa zaman darurat oleh pihak penjajah British. Ini pun masih banyak lagi orang-orang yang tertentu ataupun pihak-pihak yang tertentu yang mengatakan orang-orang Melayu ataupun orang bumiputera ini tak baik ataupun orang-orang bumiputera ini tidak adil, tidak bertimbang rasa kepada orang-orang bukan bumiputera. Tetapi apabila bercakap dalam masalah ini apabila seorang ahli bumiputera membangkitkan dalam masalah ini, golongan-golongan tertentu mengatakan orang-orang bumiputera itu perkauman.

Oleh itu, Tuan Yang Dipertua, saya mencadangkan supaya Kerajaan Pusat di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah supaya dapat selalu mengadakan perbincangan ataupun dengan mengarahkan Kerajaan-kerajaan Negeri yang mana kita sedar bahawa tanah ini adalah di bawah kuasa Kerajaan Negeri supaya dapat menggantikan balik semua Tanah-tanah Simpanan Melayu yang terlepas kepada orang-orang bukan Melayu ataupun orang bumiputera sama ada tanah-tanah ini yang diambil ataupun dibeli secara perjanjian sulit.

Saya rasa pihak Kerajaan sedar dalam masalah ini, misalnya dalam satu masalah, saya boleh beri contoh, ini adalah satu kenyataan yang benar-benar berlaku, saya rasa bukan di dalam kawasan saya bahkan di mana-mana sekalipun di negara ini yang mana sekeping tanah Malay Reserve telah dibeli oleh seorang bukan bumiputera dengan cara perjanjian. Saya rasa ianya dibuat dengan cara perjanjian oleh seorang peguam bukan bumiputera.

(Tuan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tanah itu dijual kepada seorang bumiputera lain tetapi disebaliknya tanah itu bukan hak bumiputera yang membeli tadi cuma nama sahaja tetapi di sebaliknya dipunyai oleh seorang bukan bumiputera dan tanah itu telah ditanam dengan kelapa sawit sejak kurang lebih 10 tahun dan hasilnya sehingga sekarang telah mengeluarkan hasil yang lumayan dan tuan yang punya nama tadi tidak ada kuasa untuk mengambil hasil-hasil daripada tanah pertanian tadi.

Itu saya beri satu contoh, Tuan Yang Dipertua, bahkan banyak lagi penyelewengan-penyelewengan yang berlaku di merata-rata tempat di tanahair kita ini. Bahkan sepatutnya saya di sini sepatutnya tidak patut menerangkan, ada berlaku seorang Pegawai Kerajaan iaitu Pegawai Penempatan sanggup mengatakan bahawa undang-undang ini bukannya undang-undang Allah Taala, yang cumanya tidak boleh dipinda undang-undang katanya undang-undang yang ditulis dalam Al Quran. Inilah dia kalau adalah banyak di antara pegawai-pegawai yang tidak bertanggungjawab yang sanggup menjual maruah agama dan bangsa, saya rasa haruslah dipupuskan dari muka bumi ini. Begitu juga tanah-tanah orang kampung sama ada Tanah Simpanan Melayu ataupun tanah bukan simpanan Melayu yang telah diambil atau yang akan diambil untuk dijadikan projek misalnya projek lebuhraya oleh pihak Kerajaan hendaklah diberi bayaran pampasan yang memuaskan atau diganti dengan sekeping tanah lain kepada mereka-mereka itu, dan hendaklah diganti dengan tanah-tanah yang strategik. Saya menyokong sebagaimana cadangan yang telah disarankan oleh wakil-wakil dari Pasir Putih, Padang Rengas, Parit dan juga sahabat-sahabat saya daripada penyokong-penyokong Barisan Nasional.

Tuan Yang Dipertua, juga di sini saya ingin mencadangkan kepada pihak Kerajaan agar membuat satu kajian yang menyeluruh berhubung dengan masalah nilai harga tanah-tanah khasnya Tanah Simpanan Melayu. Ini bertujuan agar nilai Tanah Simpanan Melayu ini sama nilai harganya dengan tanah bukan simpanan Melayu di seluruh negara. Di segi pengambilan tanah, Tuan Yang Dipertua, untuk tujuan menjadikan projek-projek Kerajaan misalnya projek lebuhraya, ini menjadi satu masalah yang rumit kepada tuan-tuan tanah. Misalnya katalah seorang tuan punya tanah itu pada mulanya pihak pengambilan tanah telah menyukat dengan kadar keluasan yang diperlukan untuk dijadikan projek lebuhraya dan telah pun membayar pampasannya. Tetapi apabila pihak kontraktor yang hendak memulakan membuat projek tersebut pihak kontraktor tadi menyukat pula dan didapati perlu lagi kawasan tambahan untuk projek lebuhraya tadi. Walhal bayaran pampasan kepada tuan tanah tadi telah pun beres oleh pihak pengambilan tanah tetapi pihak-pihak tuan tanah terpaksa pula berulang-ulang alik ke Pejabat-pejabat Tanah atau kepada pihak pengambilan tanah atau ke pejabat-pejabat kontraktor yang mana membuat lebuhraya tadi untuk menuntut pampasan mereka dari pihak-pihak yang tertentu tadi.

Di sini, Tuan Yang Dipertua, saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan melalui Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah ini mengadakan satu undang-undang yang konkrit bagi mengatasi masalah-masalah tanah di negara ini sebagaimana yang telah diperkatakan oleh wakil-wakil Barisan Nasional yang terlebih dahulu daripada saya.

Tuan Yang Dipertua, masalah tanah-tanah kepunyaan Bumiputera yang mana tanah-tanah ini ialah Tanah

Simpanan Melayu yang tergadai kepada bukan Bumiputera patut di siasat dan dikaji sebab dalam kawasan saya, saya telah pun berunding dengan Pegawai Daerah dan juga Penghulu-penghulu supaya membuat kajian dan menyiasat dan buat masa ini telah pun kami membuat kajian dan didapati kurang lebih daripada 60 ekar tanah-tanah kepunyaan atau tanah-tanah reserve Melayu yang telah tergadai kepada orang-orang bukan Bumiputera. Banyak tanah-tanah itu dijual kepada Bumiputera tetapi sebaliknya tanah-tanah itu bukan hak Bumiputera yang membeli tanah tadi tetapi ialah kepunyaan orang bukan Bumiputera. Ini mereka lakukan dengan cara Surat Perjanjian lain.

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat, yang itu bukan menjadi tajuk perbincangan hari ini, tajuk ialah pengambilan tanah.

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid:** Ya, Tuan Yang Dipertua, tetapi dalam masalah ini ada kaitannya dengan masalah pengambilan tanah itu.

**Tuan Yang Dipertua:** Saya ingat tidak ada sangkutan langsung.

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid:** Terima kasih Tuan Yang Dipertua. Selain daripada itu ingin saya menekankan kepada Kerajaan dalam pindaan Akta Pengambilan Tanah 1960 ini, dalam clause-clausenya dalam Undang-undang ini menekankan cara-cara pengambilan tanah itu agar tidak merugikan tuan-tuan tanah, juga saya menyokong cadangan yang dibawa oleh wakil dari Ulu Nerus tadi iaitu apabila hendak membuat projek yang melibatkan tuan-tuan tanah pihak Kerajaan melalui Pemungut Hasil Tanah dan Pengarah Tanah dan Galian Negeri-negeri mengadakan perbincangan terlebih dahulu dengan tuan-tuan tanah yang tersebut. Juga

seandainya seorang tuan tanah yang mempunyai tanah seluas satu ekar sahaja misalnya tetapi pihak Kerajaan cuma menggunakan separuh ataupun 3/4 daripada keluasan tanahnya itu untuk dijadikan projek, katakanlah tanah itu 3/4 ekar yang terkena, si Ahmad punya tanah dia mempunyai satu ekar tetapi terlibat cuma setengah ekar dan Kerajaan membayar di atas nilai setengah ekar itu. Saya mencadangkan supaya pihak Kerajaan membayar pampasan keseluruhan satu ekar tadi. Ini memandangkan yang baki setengah ataupun suku ekar tadi tidak boleh digunakan lagi oleh tuan tanah bahkan hendak buat lebuhraya, yang baki suku ekar "robennya" kata orang Perak, tepi dia itu tidak boleh digunakan lagi. Jadi apa salahnya pihak pengambilan tanah atau pihak Kerajaan membayar keseluruhannya dengan nilai satu ekar atau kalau dua ekar, dua ekarlah kerana kalau baki tadi suku ekar tidak boleh dijadikan bahkan hendak mendirikan sebuah rumah pun tidak boleh kata orang Perak.

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat, dalam Akta itu ada provision itu, dia ambil kira jikalau sekiranya tanah yang tertinggal itu tidak boleh digunakan. Dia ada ambil kira perkara itu bila pembayaran imbuhan dibuat.

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid:** Terima kasih, Tuan Yang Dipertua. Saya mengucapkan terima kasihlah kepada wakil-wakil daripada Kota Melaka dan juga wakil dari Kepong yang menyokong agar TSM atau Tanah Simpanan Melayu dinilai sama harganya dengan tanah-tanah lain yang bukan Bumiputera ataupun tanah bukan simpanan Melayu. Tetapi di sebalik ucapan syabas saya atau terima kasih saya itu saya berasa kurang yakin, saya kurang yakin, Tuan Yang Dipertua, di atas saranan beliau atau saranan

mereka itu yang mana mereka menyokong berhubung dengan masalah TSM ini, jangan-jangan sokongan mereka itu "ada undang di sebalik batu" kerana Tuan Yang Dipertua, mungkin ini bertujuan untuk menarik perhatian pengundi-pengundi Melayu di kawasan pilihanraya kecil Seremban yang mana kita sedia maklum hari penamaan calon pilihanraya kecil Seremban ialah pada 3hb November, 1983 yang akan datang.

Juga berkemungkinan nampaknya wakil dari Kepong tadi berucap beraria sangat seolah-olah beliau itu wakil daripada negeri Kelantan, Tuan Yang Dipertua. Tetapi sayang wakil dari Kepong itu walaupun orang daripada Kelantan tetapi cakupannya tidak loghat Kelantan pun. Jadi kalau wakil dari Kepong itu memperjuangkan masalah rakyat Kelantan, saya rasa lebih baiklah tinggalkan sahaja kawasan Parlimen Kepong itu dan bolehlah balik ke negeri Kelantan.

Tuan Yang Dipertua, dalam masalah Akta Pengambilan Tanah ini, di sini saya dapati bahawa banyak daripada tanah-tanah pesaka yang mana pada satu ketika nilai harga tanah itu tidak begitu tinggi sepertimana tanah-tanah lain tetapi sekarang Pejabat Penilai telah menilai dengan harga yang agak lebih tinggi sedikit walaupun tanah-tanah itu jauh di pedalaman. Dan ini pula menjadi satu masalah kepada orang-orang kampung apabila pembahagian harta pesaka dibahagikan. Maka apabila untuk dibicarakan, mereka terpaksa pergi ke mahkamah tinggi walhal pada satu ketika dahulu tanah-tanah itu boleh diselesaikan oleh pihak penghulu ataupun penggawa sahaja.

Tuan Yang Dipertua, satu lagi masalah yang menjadi persoalan yang selalu ditimbulkan atau dibangkitkan oleh rakyat ialah masalah pemberian tanah kerajaan kepada orang ramai

khususnya tanah lot kampung tersusun yang mana tanah-tanah itu telah pun diberi oleh pihak Kerajaan kepada orang kampung untuk dijadikan kampung tersusun dan telah pun dibayar premiumnya sejak 10 tahun yang lampau tetapi sehingga hari ini tanah-tanah itu tidak boleh diduduki oleh peserta-peserta yang mendapat tanah-tanah lot perkampungan tadi. Contohnya, kes di kampung tersusun di Mukim Asam Kumbang, Taiping iaitu Lot 606. Jadi tanah itu telah dibayar premium sejak 10 tahun sehingga sekarang tanah itu masih belum boleh diduduki oleh orang-orang yang berjaya mendapat tanah itu dan menjadi satu masalah pula dalam kawasan tanah yang telah diperuntukkan untuk orang-orang yang tertentu tanah itu telah diduduki pula oleh beratus-ratus orang peneroka walhal tanah itu telah pun diberi dan dibayar premium tetapi dalam masa 7-8 kebelakangan dipenuhi oleh peneroka-peneroka yang baru yang mana ini menjadi satu masalah pula. Ini mungkin berlaku di atas kelembapan pihak-pihak pejabat tanah bagi mengatasi perkara ini. Jadi dengan itu saya berharap semoga dengan pindaan Akta Pengambilan Tanah yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah ini mudah-mudahan mendatangkan kebaikan kepada rakyat kita semua. Dan akhir kata, Tuan Yang Dipertua, saya menyokong Akta untuk meminda Akta Pengambilan Tanah, 1960. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang Dipertua:** Saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.15 ptg.

**Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Rais Yatim):** Tuan Yang Dipertua, pertama-tamanya izinkan saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada setiap

Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan berkaitan dengan pindaan Akta Pengambilan Tanah, 1983 ini. Sesungguhnya jika saya berusaha untuk menjawab satu persatu dalam perkara-perkara yang telah dibentangkan oleh kesemua Ahli-ahli Yang Berhormat itu tentulah masa yang diperuntukkan bagi saya menggulung ini tidak mencukupi.

Untuk makluman kita, kesemuanya 20 orang Ahli yang telah mengambil bahagian dan perkara-perkara yang dibangkitkan itu adalah didapati menyeluruh kepentingannya berkaitan dengan tanah dan secara spesifik terhadap pengambilan tanah di bawah Akta yang dimohon untuk dipinda dan diluluskan ini. Pada keseluruhannya seperti yang sempat saya bentangkan di Dewan ini tiga hari lalu tujuan utama kita ialah bagi mewujudkan satu usaha pembelaan untuk rakyat dari segi pampasan, dari segi pentadbiran dan juga dari segi kegiatan-kegiatan Kerajaan berkaitan dengan kepentingan yang perlu diberi dan diagihkan kepada rakyat.

Tuan Yang Dipertua, dalam pembelaan inilah maka Parti Kerajaan kita yang tulang belakangnya UMNO telah banyak mempersoalkan hal-hal berkaitan dengan tanah terutama syor-syor terhadap penyelarasan dan juga pembelaan itu.

Tidak juga keterlaluan bagi saya untuk menyatakan bahawa usaha-usaha ini dikemukakan oleh banyak pihak dalam parti komponen Barisan dan di dalam UMNO seperti yang kita maklum pergerakan Pemuda UMNO pun telah menyentuh perkara ini berkali-kali di samping Majlis Tertinggi UMNO sendiri. Usaha-usaha parti komponen ini yang telah dikumpulkan oleh Kementerian dari setahun ke setahun telah dapat menggembeling tenaga fikir dan juga para penyelidik bagi memperbaiki Akta Pengambilan Tanah 1960 ini.

Tuan Yang Dipertua, usaha-usaha yang telah diambil oleh Kerajaan kita berkaitan dengan pembelaan rakyat dari segi pampasan telah pun kita hayati. Pihak Pembangkang sendiri mengakui kebaikan pindaan-pindaan ini yang dikemukakan di sidang ini pada kali ini. Perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk Pembangkang nampaknya keseluruhannya memberi faedah yang luas kepada rakyat kita. Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar misalnya di samping memberi tahniah kepada Kerajaan di atas usaha meminda Akta ini melahirkan rasa sangsi beliau terhadap Fasal 18 Ceraian 2b dan 2c yang terkandung di dalam syor pindaan ini. Saya suka menjelaskan bahawa sub-seksyen 2b di bawah Fasal 18 ini sekali-kali tidak bertujuan untuk mendera rakyat.

Yang Berhormat dari Kota Melaka pun berpendapat bahawa pindaan yang disyorkan itu tidak menepati matlamatnya. Suka saya menyatakan bahawa jika satu-satu bidang tanah itu hendak diambil oleh Kerajaan, maka pindaan ini mengatakan petak tanah itu tidak akan terkecewa tuan punya tanahnya jika di samping usaha-usaha Kerajaan mengambil balik tanah ini ada pelan induk untuk mengubah sesuatu-sesuatu sempadan ataupun untuk tujuan-tujuan requisition dan sebagainya. Jika termasuk perkiraan kita ke dalam rancangan pindaan ataupun zoning dengan izin Tuan Yang Dipertua, ataupun usaha-usaha lain yang berkaitan dengan perancangan induk maka terikatlah harga tanah yang berkenaan tadi. Bila terikat harga tanah yang berkenaan tadi maka kerugian bagi tuan punya tanah. Lantaran itulah maka dimasukkan pindaan ini dan secara jelas ianya menyatakan bahawa dalam penilaian kita maka tidak akan diambil kira mengenai apa-apa pelan induk ataupun usaha-usaha requisition yang sedang atau berlaku di sekitar. Ini

perlu dijelaskan sebagai prinsip supaya tujuan pindaan ini dikemukakan tidak disalah-mengerti dan dengan itu disalah-fahami pula oleh rakyat jelata.

Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat dari Tanjung Karang telah mengemukakan peristiwa dan masalah berkaitan dengan kelambatan bayaran pampasan. Perkara ini juga telah disebut dan dikhuatiri oleh ramai Ahli-ahli Dewan termasuk dari Larut, Mukah, Batu Pahat dan Bagan Datok. Suka saya mengambil peluang di sini bahawa apa yang telah diberi sebagai pengakuan dalam ucapan awal-awal pembentangan Rang Undang-undang ini iaitu pembayaran tidak lewat dari tiga bulan dari tarikh tawaran dibuat, akan cuba diusahakan oleh Kementerian dan dengan kerjasama Kerajaan Negeri. Marilah bersama-sama kita lihat agar jentera pengolahan dan jentera pembayaran ini dicapai oleh Kerajaan Negeri dan juga oleh Kerajaan Persekutuan dalam pentadbiran tanahnya.

Tuan Yang Dipertua, Ahli dari Ulu Muda menanyakan tentang pendirian Kerajaan berhubung dengan perbezaan antara nilai yang dibuat oleh Pegawai Penilaian dengan yang dibuat oleh Pemungut Hasil Tanah atau PHT. Perbezaan ini sentiasa wujud oleh kerana dua pihak ini adalah meneliti aspek-aspek atau kedudukan sesuatu bidang tanah tadi. Namun demikian bukan sahaja penilaian yang dibuat oleh seseorang pegawai penilaian boleh berbeza dengan nilai yang dibuat oleh PHT, bahkan nilai yang dibuat oleh dua orang Pegawai Penilaian berlainan juga boleh berbeza. Dengan sebab itulah undang-undang memperuntukkan supaya tuan punya yang tidak puas hati dengan penilaian yang dibuat oleh PHT boleh merujuk kepada Mahkamah.

Dan suka saya menekankan bahawa kuasa muktamad untuk menilai sesuatu tanah bagi maksud pampasan adalah terletak di tangan PHT. Pegawai Penilaian yang berkenaan hanya bertindak selaku penasihat sahaja. Ahli dari Ulu Muda juga menanyakan apakah tindakan yang boleh diambil terhadap seseorang yang enggan mengembalikan wang pampasan yang telah tersalah bayar kepadanya. Suka saya menyatakan bahawa perkara ini jarang sekali berlaku. Walau bagaimanapun, sekiranya berlaku memang ada peruntukan undang-undang dan undang-undang yang lain di negara kita bagi membetulkan perkara ini. Masalah yang dibangkitkan oleh Ahli dari Pasir Putih umpamanya yakni pembayaran itu terpaksa diracik dan diberi kepada pihak-pihak yang memiliki sebidang tanah, ini memang biasa dan sentiasa terpaksa kita lakukan untuk menentukan supaya bayaran tersebut sampai kepada pemilik atau mereka yang berhak di bawah sesuatu peruntukan tanah itu.

Tuan Yang Dipertua, mengenai kelambatan Kerajaan mengambil balik sesuatu tanah setelah tanah itu diwartakan seperti yang disuarakan oleh Yang Berhormat dari Jelutong, suka saya menerangkan bahawa di atas kesedaran inilah maka pindaan dicadangkan bahawa *Warta* di bawah Seksyen 8 itu hanya berkuatkuasa selama dua tahun sahaja. Kerajaan berpendapat kini bahawa jika dalam tempoh dua tahun itu maka tidak selesai urusan rasmi kita tentang pengambilan tanah bermakna faedah daripada tanah itu perlu dikembalikan semula kepada rakyat. Adalah diharapkan ketegasan ini dapat dihayati oleh Ahli-ahli Dewan khasnya dan rakyat-jelata amnya.

Jumlah pampasan yang belum dibayar kepada tuan tanah seperti yang dinyatakan oleh Ahli dari Jelutong, memang ada dan terus akan ada lantaran pusingan keperluan

Kerajaan untuk mengambil tanah di seluruh negara. Tidak akan ada satu masa di mana kesemua pengambilan tanah itu telah selesai dan kesemua pembayaran itu habis selesai pada penghujung sesuatu tahun ataupun pada penghujung sesuatu bulan. Walaupun dinyatakan bahawa satu jumlah yang agak besar masih terpaksa dipegang oleh Kerajaan untuk dibayar kepada rakyat, ini tidak bermakna bahawa bayaran ini tidak akan dibayar sama sekali. Saya berasa hairan kenapa Ahli dari Jelutong membawa masalah berkaitan dengan hal-hal politik beliau dengan negeri Pulau Pinang ke Dewan ini dan saya tidak bercadang untuk menjawabnya. Biarlah beliau itu mengemukakan perkara-perkara tersebut kepada pihak berkenaan di pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Tuan Yang Dipertua, Ahli dari Pasir Putih telah panjang-lebar membahaskan tentang peruntukan-peruntukan dan juga pandangan-pandangan beliau berkaitan dengan pengambilan tanah dan juga hal-hal yang telah tertemu oleh beliau di negeri Kelantan khususnya di kawasan Parlimen beliau sendiri. Perlu dinyatakan bahawa mengenai pembayaran pampasan kepada tuan-tuan tanah yang berkongsi yang sebahagian darinya sempat saya sebutkan tadi, perkara ini adalah berkaitan dengan peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Kanun Tanah Negara sendiri. Di bawah peruntukan yang berkaitan itu kawasan untuk seseorang tuan tanah yang berkongsi adalah tidak ditentukan umpamanya, jika seseorang tuan tanah itu mempunyai 1/3 bahagian di dalam sesuatu bidang tanah maka ia mempunyai hak sebanyak 1/3 daripada keseluruhan tanah itu pula. Kawasan yang diduduki oleh setiap orang tuan tanah yang berkongsi adalah terpulung kepada pakatan mereka. Dengan sebab itu pampasan berkaitan dengan

pengambilan balik sebahagian daripada tanah itu terpaksa dibayar atas nama ketiga-tiga tuan tanah. Ini adalah terpulang kepada pakatan mereka. Dengan sebab itu pampasan berkaitan dengan pengambilan balik sebahagian daripada tanah itu terpaksa dibayar atas nama ketiga-tiga tuan tanah. Terpulanglah kepada mereka untuk menentukan siapakah yang berhak kepada wang pampasan itu.

Juga Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh mempersoalkan dan kemudiannya mencadangkan pandangan yang baru berkaitan dengan faedah 8% itu agar dinaikkan lagi sekiranya wang pampasan masih tidak dibayar selepas 1 tahun. Pada pandangan Kementerian kadar 8% ini, Tuan Yang di-Pertua, sangatlah berpatutan dan pindaan kepada Akta ini yang memberi kuasa kepada PHT membayar kadar ini adalah satu-satunya undang-undang yang telah dikemaskini dengan mengambil kira kadar kenaikan kos dan juga inflasi pada masa ini. Kerajaan tidak mampu umpamanya untuk berlumba atau bersaing dengan bank atau institusi-institusi kewangan yang lain dalam soal ini.

Cadangan yang berkaitan dengan penghapusan wang deposit di bawah Seksyen 39, perlu dinyatakan bahawa cadangan ini sukar untuk diterima oleh Kerajaan kerana tujuan diadakan deposit itu ialah sebagai jaminan atas kos rayuan atau perbelanjaan mahkamah yang mungkin dikenakan ke atas pihak perayu mengikut budi bicara mahkamah.

Tuan Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh, Ulu Muda, Padang Rengas dan Kota Melaka mengesyorkan supaya Kerajaan harus mempertimbangkan untuk memberi tanah yang lain sebagai ganti kepada tuan-tuan tanah yang tanahnya diambil balik. Syor dalam pindaan ini telah pun dibuat

sama ada Pemungut Hasil Tanah membayar sebahagian dalam bentuk kewangan atau memberi tapak lain sebagai gantian, kuasa ini diberi kepada beliau. Instrument ini adalah merupakan satu-satunya kuasa yang dianggap progresif dan kita berharap khususnya Kementerian dan juga jentera pentadbiran tanah berharap agar ianya digunakan sebagai satu alternatif yang menguntungkan rakyat di akhir-akhirnya.

Tuan Yang Dipertua, suka saya menyatakan bahawa topik-topik yang secara keseluruhan dibangkitkan oleh Ahli-ahli yang Berhormat ialah pampasan pentadbiran tanah, penggantian TSM, implikasi kewangan, perancangan Kerajaan perlu diselaras dan juga sebahagian besar undang-undang substantive di bawah Kanun Tanah Negara sendiri. Perkara-perkara yang terkandung di bawah bidang kuasa ataupun skop KTN itu tidaklah wajar, saya rasa, diulas ataupun diberi jawapan dalam masa penggulungan ini. Memadailah bagi saya untuk hanya menghadkan dan menumpukan kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan pengambilan tanah ini.

Darihal bayaran pampasan di atas TSM yang telah dahulu kita kemukakan sebagai satu usaha nasionalis dan juga usaha kebangsaan ini adalah diharapkan akan menyeluruh faedahnya kepada negara.

Bagi menjawab soalan Ahli dari Ulu Nerus mengenai penyelidikan yang tepat tentang keluasan TSM ini, suka saya menyatakan satu kenyataan am bahawa belum ada satu penyelidikan yang menyeluruh ataupun muktamad mengenainya. Penyelidikan yang terakhir dibuat mengenai TSM ialah pada tahun 1977 oleh Universiti Malaya dan hasil dari penyelidikan itu kita dimaklumkan bahawa terdapat kira-kira 3.3 juta hektar TSM dan

pegangan Melayu di seluruh tanahair, dianggarkan bahawa 1.3% sahaja yang telah diambil balik oleh Kerajaan untuk kegunaan awam, yakni atas keseluruhan TSM.

Yang Berhormat dari Ulu Nerus juga telah mengemukakan persoalan berkaitan dengan kelambatan mengeluarkan hakmilik sambungan bagi baki sesuatu lot yang tidak diambil balik. Suka saya menerangkan secara ringkas bahawa dengan adanya pindaan kepada Seksyen 27 Akta ini Pendaftar Hakmilik tidak perlu mengeluarkan hakmilik sambungan tetapi memadai dengan mencatatkan sahaja di atas hakmilik asal kenyataan pengambilan balik sebahagian dari tanah itu.

Tuan Yang Dipertua, dengan jawapan-jawapan yang umum itu dan juga yang spesifik berkaitan dengan topik-topik yang tertentu yang mana menurut hemat saya telah disentuh oleh boleh dikatakan keseluruhan Ahli-ahli yang Berhormat, adalah mencerminkan beberapa keadaan dan situasi yang sebenar terdapat di daerah masing-masing yang pada jentera pentadbiran tanah boleh diambil kira dan perhatian berat diambil di atasnya.

Pandangan-pandangan dari Ahli Yang Berhormat dari Jasin yang menyentuh mengenai pegangan tanah oleh warganegara asing atau menurut istilah beliau "bangsa asing", pada saya ini adalah urusan yang berkaitan dengan pindaan Kanun Tanah Negara yang masih belum kita bawa ke Dewan ini. Tidaklah perlu bagi saya untuk menyatakan sesuatu berkaitan dengannya di peringkat ini melainkan memaklumkan kepada Dewan yang mulia bahawa usaha-usaha untuk menyelaraskan perasaan dan juga rasa perjuangan negara itu harus dimuatkan dalam pindaan itu nanti.

Tuan Yang Dipertua, syor Yang Berhormat dari Parit supaya Kerajaan memberi arrears ataupun bayaran tambahan kepada pembayaran pampasan yang dibuat di atas TSM terdahulu adalah sesuatu yang agak berat bagi dipertimbangkan oleh Kerajaan. Jika thesis ini dibawa ke peringkat lojiknya maka setiap tahun Kerajaan terpaksa membayar kembali dan menambah kembali wang yang dibayar di atas sesuatu lot tanah yang pernah dibayar di bawah Akta ini. Misalnya kalau dibayar sepetak tanah \$1,200 tahun lalu maka ditambah lagi \$50.00 pada tahun ini, tahun hadapan akan ditambah lagi \$50.00 dan sampailah tahun-tahun kemudiannya. Di atas masalah sebeginilah maka syor-syor dari Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datok dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain itu mungkin tidak dapat diusahakan praktis atau amalannya di peringkat ini. Namun demikian penilaian harus dibuat dari semasa ke semasa agar pindaan kepada Seksyen yang berkenaan atau di bawah Fasal 18 di sini dapat perhatian Kerajaan.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 21* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### RANG UNDANG-UNDANG PEJABAT POS (PINDAAN)

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.43 ptg.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin):** Tuan Yang Dipertua, saya memohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pejabat Pos 1947 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang Dipertua, Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk memasukkan dalam Bahagian (III) selepas sahaja seksyen 14A, suatu seksyen baru 14B kepada Akta Pejabat Pos 1947.

Pindaan ini adalah perlu untuk membolehkan Jabatan Perkhidmatan Pos mengadakan perkhidmatan *facsimile* bagi orang ramai di Pejabat-pejabat Pos dikenali sebagai "perkhidmatan telepost". Telepost ialah suatu perkhidmatan baru yang akan disediakan di Pejabat-pejabat Pos. Di dalam perkhidmatan ini Pejabat Pos akan menerima atau memungut dokumen daripada pengguna dan kemudian dokumen-dokumen tersebut dihantar dengan izin, transmitted menerusi sistem telekomunikasi kepada pejabat penerima. Di pejabat penerima salinan dokumen itu diserahkan oleh penghantar khas atau diambil sendiri oleh penerima ataupun dihantar, dengan izin, transmit ke mesin *facsimile* persendirian penerima.

Penerima akan dapat menerima bahan-bahan tersebut di dalam bentuk seakan-akan bahan photostat.

Tuan Yang Dipertua, perkhidmatan telepost ini disediakan di Pejabat-pejabat Pos untuk kemudahan-kemudahan orang ramai khususnya pengguna-pengguna perseorangan dan firma-firma kecil yang tidak mampu memasang mesin-mesin *facsimile* sendiri.

Buat permulaannya perkhidmatan ini akan diadakan di beberapa Pejabat Pos besar sahaja dan apabila ia telah menjadi popular dia akan diperluaskan kesemua Pejabat-pejabat Pos di seluruh negara, insya Allah.

Perkhidmatan telepost ini akan diadakan di dalam negeri dan keluar negeri insya Allah mulai awal tahun 1984. Sebagai suatu perkhidmatan untuk orang ramai terdiri daripada pengguna-pengguna kecil, Jabatan Pos akan cuba mengenakan bayaran berpatutan kepada perkhidmatan telepost ini.

Tuan Yang Dipertua, dengan bermulanya perkhidmatan telepost maka hasrat Jabatan dan Kementerian untuk memperkenalkan perkhidmatan moden kepada orang ramai moga-moga dicapai.

Tuan Yang Dipertua, pindaan yang saya cadangkan ini kepada Akta Pejabat Pos 1947 adalah perlu untuk membolehkan Jabatan Perkhidmatan Pos mengendalikan perkhidmatan telepost kepada orang ramai.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

**Dato Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Suatu Akta untuk meminda Akta Pejabat Pos 1947

dibacakan kali yang kedua dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Jerantut.

6.47 ptg.

**Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad (Jerantut):** Tuan Yang Dipertua, saya bangun bagi menyokong serta mengucapkan tahniah dan mengalu-alukan langkah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos khususnya Jabatan Pos yang telah membawa Rang Undang-undang (Pindaan) yang dinamakan Akta Pejabat Pos (Pindaan) 1983.

Tuan Yang Dipertua, baru sebentar tadi Dewan ini telah diberitahu oleh Timbalan Menteri dengan pindaan ini Jabatan Pos akan dapat mengenalkan satu lagi perkhidmatan baru kepada rakyat negara ini iaitu perkhidmatan telepost.

Perkhidmatan ini akan merupakan satu langkah ke arah memodenkan perkhidmatan pos di negara ini semoga ianya setanding dengan negara-negara yang telah maju.

Tidak syak lagi banyak kemudahan-kemudahan akan dapat diterima oleh rakyat, penjimatan masa, tenaga serta wang ringgit berkenaan dengan perkhidmatan ini. Memang menjadi tujuan Jabatan ini untuk memberikan perkhidmatan-perkhidmatan mel dan kiriman yang cekap dan berkesan serta menyediakan perkhidmatan agensi-agensi untuk membantu mengeratkan dan menyatupadukan rakyat Malaysia dan meninggikan lagi taraf kemajuan sosial dan ekonomi mereka selaras dengan objektif Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Ini termasuklah: (1) untuk memperluaskan rangkaian Jabatan Pos dengan kemudahan-kemudahan yang lengkap; (2) melancarkan lebih banyak lagi Pejabat Pos Bergerak dan membuka lebih banyak perwakilan pos supaya perkhidmatan pos boleh dinikmati oleh ramai lagi kepada penduduk-penduduk di luar bandar. (3) menggunakan lebih banyak van

jabatan untuk mengangkut mel-mel di antara tempat-tempat yang mana perkhidmatan awam tidak memuaskan. (4) memperluaskan perkhidmatan ekspres terus-menerus ke bandar-bandar yang lain. (5) menentukan kakitangan-kakitangan diberi latihan yang sesuai supaya mencapai perkhidmatan yang lebih baik.

Tuan Yang Dipertua, bagi maksud di atas Kerajaan telah menguntukkan wang yang agak banyak. Misalnya, pada tahun 1982 Kerajaan telah memperuntukkan Jabatan ini sebanyak \$132,877,000. Pada tahun 1983 Jabatan ini telah diperuntukkan sebanyak \$118,835,000. Peruntukan yang begitu besar adalah diharap akan dapat mencapai objektif-objektif jabatan ini. Jabatan Pos juga adalah satu jabatan yang boleh berdikari iaitu jabatan ini telah dapat memungut hasil yang mencukupi dan kadang-kadang melebihi daripada anggaran perbelanjaannya sendiri.

Sebagai contohnya, Tuan Yang Dipertua, hasil yang dianggarkan dikutip oleh Jabatan ini pada tahun 1982 berjumlah sebanyak \$139,759,000 dan pada tahun 1983 anggaran hasil yang akan dipungut oleh Jabatan ini berjumlah \$154,349,000. Daripada angka-angka di atas adalah didapati Jabatan Pos mendapat kelebihan ataupun keuntungan kasar pada tahun 1982 sebanyak \$6,882,000 dan anggaran pada tahun 1983 sebanyak \$35,524,000.

Perkhidmatan Jabatan Pos ini adalah satu perkhidmatan yang bercorak monopoli oleh Kerajaan atas tanggungjawab Kerajaan pada rakyat. Oleh hal yang demikian hanya Jabatan ini sahajalah yang dipertanggungjawabkan bagi menjalankan aktiviti-aktiviti dalam perkhidmatan tersebut. Oleh itu pengharapan rakyat adalah sangat besar kepada Jabatan ini untuk

memberikan satu perkhidmatan yang cekap, yang licin dan berkesan. Di masa-masa yang lalu adalah didapati Jabatan ini telah menjalankan perkhidmatan dengan memuaskan dan boleh dibanggakan. Sebagai contohnya Tuan Yang Dipertua, kita boleh mengambil contoh Jabatan ini telah mengendalikan pada tahun 1981 sejumlah 1,799,381,935 benda-benda pos.

Pada tahun 1982 1.9 billion benda-benda pos dan pada tahun 1983 1.178 billion benda-benda pos, dan banyak lagi angka-angka yang kalau diceritakan terlalu panjang dengan kecekapan perkhidmatan pos yang telah dialami.

Jabatan Pos juga mempunyai kakitangan yang agak besar untuk menguruskan segala urusan yang berkaitan. Kakitangan Jabatan ini berjumlah sebanyak 10,495 dalam tahun 1981, 11,684 dalam tahun 1982 dan 11,690 dalam tahun 1983.

Tuan Yang Dipertua, satu perkembangan baru Jabatan Pos ialah perpindahan ke pejabat barunya di kompleks DAYABUMI pada 10-10-1983.

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat, adakah sangkut dengan tajuk yang sedang dibincangkan sekarang?

**Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad:** Ada, Tuan Yang Dipertua.

**Tuan Yang Dipertua:** Pindahan Pejabat Pos ke Kompleks DAYABUMI, adakah sangkut dengan Akta untuk meminda Akta Pejabat Pos? Bersangkut dengan Pejabat Pos yang dicadangkan iaitu bersangkutpaut dengan satu perkara yang dikatakan telecommunication.

**Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad:** Tuan Yang Dipertua, kaitannya ialah menunjukkan kecekapan Jabatan ini dan dengan

adanya perkhidmatan baru ini menambahkan lagi kecekapannya dan selepas ini saya mohon mencadangkan supaya kecekapan ini dilanjutkan kepada kawasan-kawasan luar bandar.

Tuan Yang Dipertua, menurut kenyataan Jabatan Pos ini akan merupakan satu pejabat yang termoden dan terbesar di Asia Tenggara dan saya mengucapkan tahniah dan berharap perkhidmatan baru ini akan menambahkan lagi kecekapan Jabatan ini.

Dengan pindaan Akta ini Tuan Yang Dipertua, satu lagi perkhidmatan seperti yang saya katakan tadi iaitu perkhidmatan telepost. Saya yakin dan percaya prestasi perkhidmatan pos akan bertambah baik lagi. Walau bagaimanapun, Tuan Yang Dipertua, saya suka mencadangkan beberapa perkara untuk mengemaskan dan memperbaiki perkhidmatan pos khususnya di kawasan luar bandar semoga perkhidmatan seperti perkhidmatan telepost ini dan beberapa perkhidmatan moden lagi daripada Jabatan ini akan dapat dinikmati oleh semua kalangan rakyat tidak mengira ianya duduk di bandar, di bandar besar ataupun di luar bandar.

Adalah diperhatikan dari pengalaman yang didapati perkhidmatan pos di dalam bandar dan kawasan yang telah maju tidak banyak mengalami masalah seperti yang saya telah dibangkitkan tadi, Tuan Yang Dipertua. Walau bagaimanapun, kawasan-kawasan luar bandar masih banyak lagi masalah berkaitan dengan perkhidmatan ini. Beberapa kawasan pendalaman perkhidmatan pos tidak banyak berubah di zaman penjajahan dengan masa kini dan saya percaya dengan pindaan baru ini bila Jabatan Pos mengadakan perkhidmatan telepost luar-luar bandar dan desa-desa, tidak

akan dapat menikmati kalau sekiranya tidak diperbaiki daripada masa yang ada sekarang ini.

Jika diperhatikan beberapa masalah perkhidmatan pos luar bandar ini, pertamanya, ialah pejabat posnya kecil dengan bilangan kakitangan dan kenderaan yang tidak mencukupi di peringkat daerah-daerah terutama di kawasan yang daerahnya tidak begitu maju.

Yang kedua, kekurangan wakil-wakil pos di kampung-kampung, dengan pesatnya pertambahan penduduk kampung-kampung yang dahulunya mempunyai satu wakil pos sekarang masih lagi mempunyai satu sahaja wakil pos.

Yang ketiga, di kawasan pendalaman surat-menyurat lambat sampai dan kadang-kadang terus tidak sampai kepada penerimanya.

Yang keempat, telegram-telegram sampai lewat dan kadang-kadang mengambil masa seminggu hingga ke dua minggu untuk sampai kepada penerimanya, dengan itu yang diharapkan telegram supaya sampai cepat tidak akan tercapai.

Yang kelima, di kampung-kampung, luar bandar surat-surat berdaftar dan telegram dihantar oleh Pejabat Pos kepada wakil-wakil pos dan tidak ke rumah-rumah seperti yang dialamatkan, inilah yang menyebabkan berlakunya kelambatan dan kehilangan surat-surat dan telegram-telegram.

Yang keenam, Tuan Yang Dipertua, saya berpendapat ada juga berlaku berkenaan dengan kesilapan sistem alamat ataupun kekeliruan berkenaan dengan sistem alamat-alamat. Walaupun Ketua Pengarah Jabatan Pos menyatakan kadar kehilangan surat-surat dan benda-benda pos dan kelambatannya adalah sebanyak 0.001% sahaja, namun saya berpenuapat mungkin ada kesilapan

ataupun kekeliruan pada sistem alamat tempat-tempat di negara kita. Misalnya nama-nama jalan dan lorong-lorong, nama-nama kampung, bandar dan sebagainya, umpamanya di Petaling Jaya memakai sistem nombor dan ada pula tempat-tempat lain memakai nama-nama bunga, ikan, nama-nama orang dan sebagainya. Begitu juga nama kampung, mukim, daerah negeri dan sebagainya, sebagai contoh.

Saya berpendapat Kerajaan perlu membuat sesuatu dan nampaknya ada ruang yang terbuka bagi kita memperbaiki perkara ini.

Beberapa tahun yang lalu Jabatan Pos telah mengenakan sistem pos kod, nampaknya sistem ini tidak berkesan dan sekarang tidak digunakan lagi, mungkin sistem yang lama ini susah hendak diingati.

Saya mengalu-alukan langkah Jabatan ini untuk mengenalkan satu sistem pos kod yang baru dan saya berharap sistem pos kod yang baru nanti akan diperkenalkan di seluruh negara, bukan sahaja di bandar Kuala Lumpur, tetapi juga di lain-lain bandar dan juga di luar-luar bandar. Ini saya rasa bersesuaian dengan siapnya pejabat baru ini dan memandang masalah ini secara serius kerana tidak bermakna kita menambah kakitangan, kenderaan dan bangunan moden, perkhidmatan telepost. Jika kita tidak memberikan perhatian yang sebaik-baiknya kepada pengujudan sistem alamat tempat-tempat yang kemas, teratur dan juga praktikal.

Tuan Yang Dipertua, oleh itu, saya mencadangkan: (1) Kementerian ini akan dapat mengambil langkah-langkah untuk membesarkan pejabat-pejabat pos di daerah-daerah.

(2) Membanyakkan kenderaan-kenderaan pos, kakitangan dan sebagainya, (3) Memberikan tugas tambahan kepada wakil-wakil pos

untuk menghantar surat-surat, telegram-telegram, surat-surat berdaftar dan juga perkhidmatan telepost yang dibawa dalam Akta ini ke rumah-rumah penerima-penerimanya di kawasan-kawasan luar bandar yang tidak ada pejabat pos.

(4) Jabatan Pos dari semasa ke semasa membuat kajian. . . . .

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad:** Sedikit lagi, Tuan Yang Dipertua.

**Tuan Yang Dipertua:** Boleh sambung pada hari Isnin, dibolehkan sambung dan boleh panjangkan sedikit lagi.

**Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad:** Baiklah.

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah sampai, saya tangguhkan mesyuarat kita pada hari Isnin, 17hb Oktober, 1983 jam 2.30 petang. Dan saya berharap Ahli-ahli yang jauh setelah balik ke kampung akan datang ke Parlimen pada hari Isnin itu di dalam keadaan fresh semula (*Ketawa*).

*Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.*